


57.
Jilid III
Bil. 2



Hari Selasa
7hb Disember, 1976

LAPURAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA
Third Session

MESYUARAT YANG KETIGA
Third Meeting

Jilid III
Bil. 2



Hari Selasa
7hb Disember, 1976

LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT

FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA
Third Session

MESYUARAT YANG KETIGA
Third Meeting

KANDUNGANNYA

USUL-USUL [52]

PENANGGUHAN [90]

PULAU PINANG

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT

Laporan Persidangan

PENGGAL YANG KETIGA

MESYUARAT YANG KETIGA

Hari Selasa 7hb Disember, 1976

HAZIR :

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Haji Harun bin Sirat, D.M.P.N.)
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)
Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang (Encik Haider bin Mohd. Noor)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)
" " Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, D.M.P.N., A.M.N., J.P.)
" " Kawasan Kampung Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.M.N., J.P.)
" " Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah, J.P.)
" " Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
" " Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)
" " Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng *alias* Khor Gark Kim)
" " Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh *alias* Mat Noor, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)
" " Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye)
" " Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)
" " Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed *alias* Mahmud, P.P.N.)
" " Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.)
" " Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, P.J.K.)
" " Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
" " Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
" " Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)
" " Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan *alias* Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
" " Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

TIDAK HAZIR :

- " " Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)
" " Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey)—*cuti*
" " Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin *alias* Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.)—*sakit*
" " Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)

TURUT HAZIR :

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.33 pagi.

5. USUL-USUL.

(A) Usul oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$39,509,650 yang tertunjuk di dalam Anggaran Pembangunan, 1976, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 14 Tahun 1976 dan menetapkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah dipergunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan, 1977 itu."

Tuan Speaker, Usul ini bertujuan meminta kuasa Dewan Undangan Negeri bagi membelanjakan sejumlah \$39,509,650 bagi tahun 1977 seperti mana yang tersyarat dalam Seksyen 4(1) di bawah Akta Pembangunan tahun 1966 dan dikenakan ke atas Negeri Pulau Pinang di Seksyen 9 dalam Akta yang sama.

Apabila saya mengusulkan Rang Undang-Undang Perbekalan bagi tahun 1977, saya telah menyatakan bahawa bidang keseluruhan bagi usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam pembangunan di Negeri ini dapat difahami dengan lebih mendalam jikalau Rang Undang-Undang Perbekalan dipertimbangkan bersama-sama dengan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1977.

Ahli-Ahli Yang Berhormat akan ingat bahawa di Persidangan Dewan Undangan yang lalu, kita telah memberi sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Datuk Hussein Onn, supaya dapat mencapai matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga yang beliau telah lancarkan. Kerajaan Negeri adalah terikat untuk melaksanakan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga mengikut jadual. Anggaran Pembangunan Tahun 1977 mencerminkan dengan jelasnya ketetapan Dewan ini untuk menyokong dan melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga bagi Negeri Pulau Pinang.

Matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga adalah untuk membasmi kemiskinan, menyusur semula

masyarakat dengan memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi dan menjamin keselamatan Negara dengan membina sebuah masyarakat yang berdikari. Adalah jelas bahawa kita hanya akan mencapai matlamat-matlamat tersebut sekiranya Rancangan ini dilaksanakan dengan ketetapan. Belanjawan Pembangunan bagi tahun 1977 menyediakan diri kita untuk tugas-tugas mencapai matlamat-matlamat asasi Rancangan Malaysia Ketiga. Kita harus menyediakan diri kita untuk bertungkus lumus bagi mengekalkan perkembangan sosial ekonomi di Negeri kita ini.

Tuan Speaker, dalam tahun 1976, kita berasa risau memandangkan kepada kesan-kesan kemerosotan ekonomi sedunia dan oleh sebab itu, kita telah menyediakan belanjawan mengikut keadaan kemerosotan dalam ekonomi Negeri kita sendiri. Mujurlah untuk kita, sepertimana dinyatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh di Parlimen pada bulan Oktober, tahun ini ekonomi Malaysia telah beransur baik, prestasinya melebihi apa yang diharapkan itu dan keadaan ekonomi bagi tahun depan, tahun 1977, adalah cerah. Belanjawan Pembangunan Tahun 1977 telah disediakan atas harapan ekonomi bagi tahun hadapan akan beransur baik.

Tuan Speaker, Negeri Pulau Pinang telah diuntukkan sebanyak \$894,286,000 untuk Rancangan Malaysia Ketiga. Dari jumlah ini, \$29.949 juta telah diluluskan sebagai perbelanjaan Negeri secara langsung. Oleh yang demikian, boleh diperhatikan bahawa rancangan-rancangan pembangunan Negeri sepertimana terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga melibatkan perbelanjaan purata sebanyak kira-kira \$7.5 juta setahun sebagai penyertaan Negeri secara langsung, atau kira-kira \$226 juta setahun bagi projek projek Persekutuan. Kita juga sedar bahawa satu tahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga telah pun lepas.

Keupayaan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek dalam Belanjawan Pembangunan Tahun 1977

haruslah dipertimbangkan dengan memandangkan kepada peruntukan keseluruhan bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam konteks ini, Belanjawan Pembangunan Negeri tahun depan boleh dianggap sebagai Rancangan Ekonomi Tahunan untuk membina pembangunan yang lebih pesat dan kemakmuran kepada rakyat di Pulau Pinang.

Tuan Speaker, dalam tahun 1977, jumlah hasil yang diperuntukkan untuk pembangunan adalah sebanyak \$35,936,830. Dengan jumlah ini, Kerajaan Negeri akan menyumbangkan \$19,385,650 dan bakinya adalah secara pinjaman dari Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek-projek seperti perumahan murah atau dalam bentuk projek-projek yang diimbuh balik yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi Rancangan Malaysia Ketiga.

Jumlah perbelanjaan untuk pembangunan bagi tahun 1977 adalah sebanyak \$39,509,650. Oleh itu, Belanjawan Pembangunan tahun 1977 meramalkan kekurangan sebanyak \$3,572,820.

Butir perbelanjaan yang besar sekali dalam Anggaran-Anggaran Pembangunan adalah di bawah Kepala 101—Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan, yang diperuntukkan sebanyak \$30,444,060. Dari jumlah ini, \$9,994,000 akan dibelanjakan untuk Rancangan Perumahan Murah. Kerajaan Negeri akan menyiapkan rancangan perumahan di Kampong Melayu, Peringkat IV, dan meluaskan rancangan perumahan di Taman Free School; dan Kerajaan akan melancarkan rancangan-rancangan perumahan baru di Jalan Batu Lanchang, Bukit Glugor, Telok Kumbar, Relau, Bagan Ajam, Kampong Baru, Alma dan Kampong Tebu. Kesemua projek-projek ini akan dibiayai dengan pinjaman-pinjaman dari Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi, Kerajaan Negeri sendiri telah memperuntukkan \$0.5 juta untuk kemudahan infrastruktur bagi projek-projek perumahan tersebut.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri tap akan menyediakan lebih banyak

tempat-tempat perlindungan (home shelters) untuk penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang. Jumlah tam-bahan sebanyak \$2 juta juga diuntukkan di bawah Kepala 47—di bawah Projek-Projek Khas dan Latihan—bagi tujuan ini. Adalah diharapkan bahawa di bawah Pecahan Kepala ini, Kerajaan Negeri akan dapat menambh kepada projek-projek perumahan murah yang biasa dengan perkembangan projek-proek perumahan khas di merata tempat di Negeri ini, baik secara perumahan di kawasan-kawasan peralihan (transitional area housing) ataupun melalui pemecahan bahagian bagi lot-lot tanah untuk dipajak bagi membolehkan golongan rakyat yang berpendapatan rendah membina rumah-rumah murah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan perumahan di kawasan-kawasan peralihan adalah perlu bagi saya mengambil sedikit masa di Dewan ini untuk menjelaskan selanjutnya prinsip-prinsip yang berasaskan rancangan ini. Sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sepanjang masa Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan Negeri telah mengambil milik tanah-tanah yang mencukupi bagi tujuan-tujuan pembangunan bidang-bidang perindustrian, perdagangan dan perumahan yang kini merupakan dua pusat besar bagi perkembangan sosial dan ekonomi dalam Negeri kita terutamanya di sekeliling bandar-bandar baru iaitu Bayan Baru dan Seberang Jaya. Lebih-lebih lagi, terdapat kawasan-kawasan tanah Kerajaan di merata-rata Negeri ini yangmana dalam masa dahulu, Kerajaan Negeri telah mentadbirkan perkembangan ekonomi melalui Lesen Tumpangan Sementara. Selepas perancangan yang teliti dan selepas infrastruktur yang masuk ke kawasan-kawasan ini, pihak Kerajaan kini telah dapat menentukan kawasan-kawasan yang mungkin tidak akan digunakan bagi apa-apa pembangunan yang tertentu dalam tempoh 10-20 tahun yang akan datang. Walaupun perancangan keseluruhan telah dikenakan di kawasan-kawasan ini, Kerajaan ingin mengeneipkan kawasan-kawasan yang akan dimajukan hanya selepas 10-20

tahun sebagai kawasan-kawasan peralihan di mana perumahan dapat dibina dengan serta-merta bagi memenuhi keperluan tempat perlindungan oleh rakyat kita.

Tuan Speaker, berbeza dengan cara-cara biasa bagi projek-projek perumahan murah, perumahan di kawasan-kawasan peralihan adalah untuk disewa dan bukan untuk dijual kerana Kerajaan ingin terus memiliki kawasan-kawasan ini untuk perlaksanaan projek-projek tertentu dalam tempoh masa 10 atau 15 tahun yang akan datang. Matlamat adalah untuk menyeyakan rumah-rumah ini dengan kadar sewa yang dapat ditanggung oleh mereka-mereka dari golongan yang berpendapatan rendah atau mereka-mereka yang terlibat dalam projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan juga untuk penempatan semula setinggan-setinggan. Rancangan ini akan menguntungkan tempat-tempat perlindungan kepada mereka-mereka pada ketika yang genting dalam kemajuan sosial ekonomi mereka. Adalah dijangkakan bahawa perkembangan rancangan perumahan yang lebih kekal akan membolehkan golongan ini berpindah ke rumah-rumah tersebut, yang mereka boleh memiliki selepas penghidupan mereka menjadi lebih terjamin.

Tuan Speaker, melalui cara yang kedua dalam membina lebih banyak tempat-tempat perlindungan, pihak Kerajaan akan menentukan kawasan-kawasan di merata-rata Negeri ini, di mana tanah dapat dipecahkan bahagian mengikut susunan yang dirancang dengan teliti dan diluluskan, serta lengkap dengan perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur yang mencukupi. Lot-lot tanah tersebut akan dipajak kepada mereka-mereka dari golongan berpendapatan rendah bagi tempoh 30 sampai 60 tahun. Golongan penduduk-penduduk ini juga dari mereka yang berpendapatan rendah tetapi mereka-mereka ini adalah lebih mewah daripada golongan yang pertama dan oleh itu akan dapat terus berlangkah ke arah memiliki rumah sendiri dengan membina rumah-rumah mereka atas tanah yang dipajak itu.

Sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri telah membina rumah-rumah contoh yang dipamirkan di Pesta Pembangunan dan di upacara pembukaan bandar baru, Seberang Jaya. Pelan-pelan dan cara-cara membina rumah-rumah tersebut yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$4,000 hingga \$14,000 akan diluluskan. Mereka-mereka yang diberi pajakan tanah di bawah rancangan ini, akan diberi bantuan memperolehi pembiayaan, jika-lau perlu, untuk membina rumah-rumah ini.

Tuan Speaker, di bawah Kepala 101, Pecahan 36, Belanjawan Pembangunan tahun 1977 telah memperuntukkan \$9 juta secara pinjaman dari Kerajaan Persekutuan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi tujuan pembangunan bidang-bidang perumahan, perdagangan dan perindustrian. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, \$18 juta telah diuntukkan kepada Kerajaan Negeri untuk agensi pembangunannya, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah diramalkan bahawa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan dapat menggunakan \$9 juta dari jumlah ini yang telah diuntukkan dalam tahun 1977 sahaja. Adalah diharapkan bahawa jika-lau prestasi yang dijangkakan itu adalah baik, maka dalam tempoh dua tahun, pembangunan perumahan, perdagangan dan perindustrian melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, akan layak menerima peruntukan-peruntukan tambahan dalam kajian semula Rancangan Malaysia Ketiga. Di bawah peruntukan bagi 1977, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan membina dua pusat pembangunan kecil dan enam blok rumah pangsa (point block) dan dengan itu, membekalkan 438 yunit-yunit perumahan. Projek-projek ini adalah dijangka akan siap untuk kediaman pada awal tahun 1978.

Di sini saya mengambil peluang untuk mengucapkan banyak-banyak tahniah dan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Perba-

dan Pembangunan Pulau Pinang. Saya harapkan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah menyokong ucapan saya dan tidak guna masaalah pegawai-pegawai dan kakitangan di dalam Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang diambil perhatian di lain-lain tempat.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri tetap akan menumpukan perhatiannya terhadap sektor pembinaan dengan titikberat khas kepada soal membekalkan tempat-tempat perlindungan yang mencukupi untuk lebih ramai penduduk-penduduk. Akan tetapi, adalah perlu bagi rakyat sendiri bekerjasama rapat dengan Kerajaan untuk mengujudkan keupayaan tambahan bagi Kerajaan membantu mereka. Dalam konteks ini, Kerajaan akan mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk mencegah daripada berlakunya setinggan-setinggan haram di Negeri ini. Adalah diharapkan bahawa rakyat sendiri akan menyambut rancangan-rancangan perumahan Negeri dengan tidak memburukkan lagi keadaan melalui penglibatan dalam perumahan haram.

Kedua, Kerajaan Negeri akan mengambil setiap langkah mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang untuk memperolehi tunggakan-tunggakan daripada mereka-mereka yang sedang menduduki rancangan perumahan murah yang sedia ada. Adalah sungguh malang bahawa sebahagian daripada penduduk-penduduk kita yang sedang menerima bantuan Kerajaan dalam bentuk perumahan, tidak memberi balasan sewajarnya dengan menjunjung tinggi kewajipan sivik mereka. Saya mengambil kesempatan ini untuk mendesak mereka-mereka yang telah diberi peluang menduduki rumah-rumah murah Kerajaan supaya menanggung kewajipan mereka untuk membayar sewa-sewa mereka apabila sampai masanya, agar Kerajaan dapat mengujudkan keupayaan tambahan untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah bagi mereka-mereka dalam golongan berpendapatan rendah. Saya menggesa mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab itu supaya membayar tunggakan-tunggakan sewa mereka

yang kini telah berjumlah sebanyak \$906,865.

Tuan Speaker, Anggaran Pembangunan bagi 1977 akan memperuntukkan \$1.2 juta kepada Pihak Berkuasa Air secara pinjaman-pinjaman dari Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan Negeri. Peruntukan-peruntukan ini adalah diperlukan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan air yang sedia ada di seluruh Negeri Pulau Pinang, terutamanya di Seberang Perai Selatan di Kawasan Nibong Tebal. Adalah diharapkan bahawa dengan memperbaiki mutu perkhidmatan ini, masalah kekurangan air di kawasan ini yang telah berlaku di masa dahulu akan dihapuskan. Pihak Berkuasa Air juga berhasrat memperbaiki kemudahan pembekalan air di Kawasan Bayan Baru dengan membina kolam takungan air tambahan di Bukit Dumar dan peruntukan bagi saluran-saluran air yang besar ke Bukit Dumar dan kawasan-kawasan selatan Pulau Pinang. Akan tetapi, peruntukan Anggaran Pembangunan tidak mencerminkan jumlah besar Belanjawan Pihak Berkuasa Air.

Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pihak Berkuasa Air atas kecekapan mereka dalam menghadapi segala masalah berkaitan dengan pembekalan di Negeri Pulau Pinang. Penggunaan air tiap-tiap hari di Pulau Pinang adalah sebanyak 21 juta gelen dalam tahun 1973. Pada masa sekarang ini, penggunaan air telah naik ke 25.3 juta gelen sehari; ini memberi kadar perkembangan 4% setahun. Bagi Seberang Perai, kadar perkembangan adalah lebih berkesan bagi tempoh yang sama. Penggunaan air adalah sebanyak 13.5 juta gelen sehari dalam tahun 1973 dan kini telah sampai 19.1 juta gelen sehari, dengan kadar perkembangan 11% setahun.

Pihak Berkuasa Air boleh dikatakan membekalkan air yang agak murah di seluruh Negara kita, dan mengikut pegawai-pegawai Bank Pembangunan Asia, pembekalan air yang murah sekali di rantau ini. Secara purata, pengguna di Negeri ini membayar 0.80 sen

bagi tiap-tiap satu ribu gelen dibandingkan dengan kadar sekurang-kurangnya \$1 bagi tiap-tiap satu ribu gelen di lain-lain tempat di Negara kita. Penduduk-penduduk di Negeri ini secara puratanya membayar kurang \$3 sebulan untuk penggunaan air jikalau dibandingkan dengan mereka-mereka yang duduk di lain-lain tempat di dalam Negara kita.

Pihak Berkuasa Air telah memberi perhatian sewajarnya terhadap memenuhi keperluan-keperluan mereka-mereka yang miskin, terutamanya keperluan-keperluan mereka-mereka di kawasan luar bandar. Tiap-tiap tahun, Pihak Berkuasa Air menguntukkan \$250,000 untuk memberi pinjaman-pinjaman kepada mereka-mereka di kawasan luar bandar supaya menolong mereka memasang dan menghubungkan bekalan air ke rumah-rumah mereka. Pinjaman-pinjaman ini boleh dijelaskan dalam tempoh masa yang tertentu dan telah memberi munafaat kepada penduduk-penduduk di empat-puluh buah kampung-kampung.

Tuan Speaker, di bawah Kepala 101, Pecahan 42, Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memerhatikan bahawa \$3.15 juta telah diuntukkan bagi penempatan semula setinggan-setinggan. Kerajaan adalah tegas dalam melaksanakan dasarnya untuk menjamin bahawa mereka-mereka yang ditempatkan semula dari satu kawasan itu, akan menjadi penduduk-penduduk kawasan baru dengan kemudahan-kemudahan untuk penghidupan yang sempurna. Sebahagian besar daripada kerja-kerja penempatan semula dalam tahun 1976 dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi pihak Kerajaan Negeri dan jumlah \$2.65 juta yang diuntukkan di bawah Pecahan Kepala ini, adalah untuk "offset" projek-projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk menempatkan semula setinggan bagi pihak Kerajaan Negeri. Jumlah tambahan sebanyak \$0.5 juta telah diuntukkan bagi menampung kos-kos penempatan semula setinggan-setinggan dalam tahun hadapan.

Datuk Speaker, \$2 juta telah diuntukkan bagi kerja-kerja memperbaiki Keretapi Bukit Bendera. Tender

telahpun ditawarkan kepada Messrs Habegger Ltd Engineering Works. Thun, Switzerland, untuk membina 4 buah gerabak baru yang akan memperbaiki cara pengangkutan ke Bukit Bendera. Ini akan menambahkan muatan gerabak Keretapi Bukit Bendera sebanyak 60% dan kerja-kerja memperbaiki keretapi tersebut dijangka siap pada tahun 1977.

Tahun hadapan, Kerajaan Negeri telah menguntukkan \$250,000 bagi projek-projek Pembangunan Masyarakat untuk memenuhi keperluan pembangunan yang khas di kawasan-kawasan luar bandar. Peruntukan ini, khususnya, akan membiayai projek-projek yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Rakyat tidak akan merujuk lagi kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung sebagai "Jawatankuasa Kuda Kayu" kerana adalah hasrat Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dengan secepat mungkin. Jumlah wang ini sekarang diuntukkan untuk mencapai matlamat ini. Jikalau peruntukan tambahan dikehendaki untuk membiayai projek-projek segera dan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Kerajaan berhasrat menggunakan sebahagian daripada peruntukan di bawah Kepala 101, Pecahan 6—Pembangunan Masyarakat—melalui Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan sendiri.

Tuan Speaker, Kerajaan telah mengumpulkan sumbangannya terhadap pembinaan Masjid Negeri. Dalam tahun 1977, \$1 juta telahpun diuntukkan bagi Tabung Pembinaan Masjid Negeri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada penduduk-penduduk Pulau Pinang dari segenap lapisan hidup yang telah menyumbangkan sejumlah \$544,097.18 kepada Tabung Pembinaan Masjid Negeri, tanpa mengira kaum atau ugama. Ini adalah satu-satu kejayaan yang kita di Pulau Pinang ini patut membanggakan. Semangat Rukunegara, sepertimana telah dibuktikan oleh ahli-ahli masya-

rakat kita, memberi kita segala harapan bahawa matlamat menyatupadukan masyarakat di Pulau Pinang ini akan dicapai dengan cara harmoni, dan saya menggesa agar lebih ramai penduduk-penduduk Pulau Pinang akan menyumbangkan kepada Tabung Pembinaan Masjid Negeri supaya kita akan dapat membina Masjid Negeri dengan secepat mungkin, sebagai lambang ketetapan rakyat kita untuk membina sebuah masyarakat Malaysia yang bersatupadu.

Tuan Speaker, dalam tahun hadapan, satu Pecahan Perbelanjaan baru, No. 51—Kajian Untuk Electronic Data Processing—telah diwujudkan. Bagi beberapa tahun yang lalu, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini telah sedar akan rancangan Kerajaan Negeri untuk memperbaiki sistem pentadbiran tanah kita melalui penggunaan komputer. Dalam tahun 1977, \$100,000 diuntukkan untuk membolehkan Pejabat Tanah melaksanakan sistem 'geocodes' dengan kerjasama Jawatankuasa yang bertanggungjawab atas NIDAS (National Integrated Data System) dan Universiti Sains Malaysia. \$100,000 dari jumlah ini adalah diuntukkan kepada Universiti Sains untuk membantu Pejabat Tanah mengemaskinikan datanya dan sistem memproses data untuk penggunaan komputer-komputer dan peruntukan tambahan sebanyak \$50,000 adalah untuk kajian-kajian kemungkinan secara mendalam mengenai penggunaan komputer dalam pentadbiran Kerajaan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada Naib Canselor dan ahli-ahli Universiti Court dan juga Fakulti-fakulti di Universiti Sains Malaysia atas kerjasama rapat dan bantuan yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri. Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk menggalakkan kerjasama yang rapat ini di antara pentadbiran Kerajaan dan Universiti Sains supaya bukan sahaja Kerajaan dapat menggunakan sepenuhnya pengetahuannya yang ada pada ahli-ahli Fakulti-fakulti Universiti, malah ini akan memberi kesempatan kepada penuntut-penuntut Universiti untuk melibatkan

diri mereka serapat-rapatnya dengan pentadbiran semasa pengajian mereka. Saya berharap semoga kerjasama ini akan terus dipupuk dan dieratkan lagi untuk menafaat bersama Universiti, Kerajaan dan juga rakyat Pulau Pinang pada keseluruhannya.

Tuan Speaker, seperti biasa, dua Jabatan besar yang akan melaksanakan sebahagian besar daripada projek-projek Pembangunan Negeri dan Persekutuan adalah Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Taliair. Dalam tahun 1977, peruntukan diberi di bawah Belanjawan Pembangunan sebanyak \$6,033,830 untuk Jabatan Kerja Raya. Dari jumlah ini, sebahagian besar adalah diuntukkan bagi memperbaiki jalan-jalan dan jambatan-jambatan yang sedia ada, dan pembinaan jalan baru di Pulau Pinang akan memerlukan perbelanjaan sebanyak \$4.25 juta.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam memerhatikan butir-butir lanjut peruntukan-peruntukan ini, akan sedar bahawa sebahagian besar daripada kerja-kerja ini; kebetulannya, merupakan kerja-kerja pembangunan yang boleh dilaksanakan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Oleh itu, adalah jelas kelihatan bahawa Kerajaan Negeri juga menyumbangkan terhadap projek-projek pembangunan, terutamanya melalui jalan-jalan dan jambatan-jambatan yang sedang dibina dan diperbaiki di tempat-tempat yang di bawah bidangkuasa Lembaga-Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Ini pula bermakna bahawa fungsi-fungsi Pihak Berkuasa Tempatan harus dikawal dengan rapi oleh Kerajaan Negeri, termasuk utama sekali apabila Akta Kerajaan Tempatan 1976 dilaksanakan di Negeri ini pada tahun hadapan.

Tuan Speaker, dalam tahun 1977, kerja-kerja membina Jalan Balik Pulau—Relau sampai Air Itam yang telah pun bermula, akan diteruskan. Jalan ini akan menyenangkan perjalanan penduduk-penduduk di Balik Pulau ke kawasan-kawasan perbandaran George Town, Glugor dan Bayan Baru. Ianya juga akan membuka kawasan-kawasan baru di Balik Pulau

untuk perkembangan pertanian pekebun selanjutnya.

Adalah diramalkan bahawa kerja-kerja menggantikan Jambatan Pontoon di Permatang Pauh akan siap dalam tahun 1977. Ini merupakan satu perkara yang telah dibahaskan beberapa kali di Dewan ini. Tender telah pun ditawarkan dan adalah diharapkan bahawa masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh mereka-mereka yang menggunakan Jambatan Pontoon yang lama dan buruk itu akan diatasi menjelang awal tahun 1977.

Tuan Speaker, satu lagi butir perbelanjaan yang besar dalam tahun 1977 oleh Jabatan Kerja Raya adalah peruntukan sebanyak \$1.2 juta untuk pembinaan Bangunan Pejabat Kerajaan yang baru bagi Seberang Perai Selatan. Bangunan ini tidak akan sekali pun melucutkan perkhidmatan-perkhidmatan yang kini diterima oleh penduduk-penduduk di Nibong Tebal, dari Pejabat Daerah. Kebetulanannya, ianya akan memudahkan pentadbiran Kerajaan di Seberang Perai Selatan. Tambahan pula, adalah diramalkan bahawa pembinaan pejabat Kerajaan ini akan mengujudkan satu pusat pembangunan yang dalam jangka masa yang panjang, akan menghasilkan kemudahan-kemudahan perbandaran yang lebih banyak untuk Daerah Seberang Perai Selatan pada keseluruhannya.

Selain daripada rancangan-rancangan pembangunan yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya bagi pihak Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya juga adalah bertanggungjawab atas sebahagian besar daripada kerja-kerja yang bersangkutan paut dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Walaupun Jabatan ini menghadapi masaalah kekurangan kakitangan terutamanya di peringkat teknikal, ianya telah berusaha dengan jayanya dalam menghadapi tanggungjawabnya. Dan adalah diharapkan bahawa dalam tahun 1977, Jabatan ini akan mencapai kejayaan yang lebih dalam usahanya.

Tuan Speaker, berkenaan dengan Jabatan Parit dan Taliair, peruntukan sebanyak \$1,739,100 dibekalkan da-

lam Belanjawan Pembangunan 1977. Jabatan Parit dan Taliair adalah banyak bertanggungjawab atas tugas memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur untuk rancangan pertanian pekebunan dan juga untuk memenuhi keperluan petani-petani kita. Prestasi Jabatan ini adalah sangat terpuji dan dalam tahun 1976, ianya berjaya menyiapkan hampir-hampir 90% daripada kerja-kerjanya mengikut jadual.

Dalam tahun 1977, selain daripada tugas memperbaiki saluran parit dan taliair yang sedia ada, Jabatan Parit dan Taliair akan melaksanakan projek-projek bagi mengatasi banjir di beberapa kawasan di Negeri ini. Adalah diramalkan bahawa kerja-kerja yang dilaksanakan dalam tahun 1977 akan dapat mengatasi masalah banjir di kawasan Taman Brown/Bt. Glugor. Sebahagian besar daripada kerja ini akan dilaksanakan oleh Jurutera Parit dan Taliair dengan kerjasama rapat daripada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang supaya dapat mengawal dan mengekalkan kerja-kerja membersihkan sungai-sungai untuk mengurangkan masalah banjir. Tambahan pula Jabatan ini akan bekerjasama rapat dengan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, dalam kajian-kajian Perunding-Perunding yang sedang mengkaji masalah-masalah dan sebab-sebab berlakunya banjir di Seberang Perai.

Tuan Speaker, Jabatan-jabatan Pertanian dan Haiwan akan mengekalkan perkhidmatan yang telah diadakan di Negeri ini untuk memperbaiki pengeluaran bahan-bahan makanan. Dalam tahun 1977, Jabatan Pertanian akan membelanjakan \$451,620 dan Jabatan Haiwan pula \$150,010 daripada kumpulan wang Pembangunan Negeri, selain daripada peruntukan yang mereka akan terima daripada Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Speaker, dalam menyentuh tentang butir-butir perbelanjaan yang besar dalam Belanjawan Pembangunan, saya berharap agar saya telah menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada tugas-tugas besar

yang dihadapi oleh Jabatan-jabatan Negeri dalam memenuhi perbelanjaan pembangunan Negeri yang telah bertambah. Dalam tahun 1976, Perbelanjaan Pembangunan kita adalah sebanyak \$11,258,700 dan dalam tahun 1977 pula, kita akan belanjakan \$39,509,650 bagi pembangunan. Ini tidak termasuk pembangunan yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga melalui Jabatan-jabatan Persekutuan.

Usaha-usaha yang tidak terhingga oleh Kerajaan Negeri adalah diperlukan untuk menggunakan segala sumber-sumber kita dan menyelaraskan pelaksanaan kita untuk menjamin bahawa rancangan-rancangan pembangunan dilaksanakan dengan penuh kecekapan dan mengikut jadual kita tetap akan membuat demikian untuk memenuhi sokongan kita kepada Y.A.B. Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn yang telah menegaskan bahawa untuk menjamin supaya Rancangan Malaysia Ketiga ini akan membawa menafaat kepada rakyat, projek-projek harus dilaksanakan mengikut jadual.

Tambahan pula, Tuan Speaker, Kerajaan Negeri akan mengekalkan kadar perkembangan pembangunan di Negeri kita ini. Apabila saya menyampaikan Rang Undang-Undang Perbekalan, saya telah merujuk kepada betapa perlunya mengekalkan Baki Hasil Am. Ini bukan sahaja akan memberikan kita kemudahan untuk menggunakan Baki Hasil Am ini bila-bila masa dan jikalau diperlukan, untuk projek-projek yang akan membawa menafaat serta merta kepada rakyat atau untuk membiayai pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga dengan segera. Tetapi kedudukan kewangan Negeri ini yang kukuh akan juga memberi Negeri kita keupayaan tambahan untuk meminjam wang bagi membiayai projek-projek khas, yang akan membawa hasil yang dapat menampung pinjaman-pinjaman, umpamanya, jalan toll dan rancangan perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

Tuan Speaker, Pengkajian Risalah No. 14 yang mendalam akan menunjukkan beberapa aspek pembangunan

yang telah dicadangkan bagi Negeri ini dalam tahun 1977. Projek-projek ini adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Ketiga dan Pelan Perspektif bagi tahun 1990. Kerajaan bercadang untuk bertindak dengan cergas dan terus melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dalam tahun 1977. Kita akan memenuhi keperluan kita untuk tempat perlindungan dan perkhidmatan infrastruktur yang lebih baik lagi. Belanjawan Pembangunan 1977 membolehkan kita berlangkah ke hadapan dengan penuh keyakinan dalam menemui harapan dan cita-cita rakyat untuk menikmati menafaat, seperti mana yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Ini memerlukan titik-peluh dan penyelarasan yang teliti pada setiap masa. Kita berasa yakin bahawa kita akan dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada kita

Tuan Speaker, saya mohon mengusul.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Dewan dibuka untuk dibahas.

Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, saya minta izin untuk mempercakapkan Anggaran Pembangunan yang dibentangkan dalam persidangan hari ini.

Belanjawan Anggaran Pembangunan tahun ini telah ditaksirkan sebanyak \$39 juta dan jumlah ini bermakna suatu tambahan yang lebih daripada Anggaran tahun lepas.

Tuan Speaker, saya gembira dapat tahu Kerajaan Negeri akan membina rumah-rumah murah dalam 27 kawasan pengundian masing-masing. Jadi saya harap projek ini akan dilaksanakan dengan secepat mungkin akan tetapi sekim ini tidak seharusnya bererti bahawa Kerajaan Negeri boleh mengelakkan diri membina lebih banyak rumah-rumah murah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dari segi ini, saya bersungguh-sungguh mendesak pihak Kerajaan Negeri supaya meminta

lebih peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk membangunkan rumah-rumah murah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Langkah ini sekurang-kurang dapat menampung ketidak cukupan bilangan rumah-rumah yang dibina oleh pihak Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan Negeri bahawa masalah banjir di Kampong Cross Street di Bukit Mertajam masih belum dititik beratkan oleh Kerajaan Negeri setakat ini. Tuan Speaker, saya hendak menegaskan bahawa berlakunya banjir dalam kawasan tersebut adalah disebabkan aliran air Sungai Rawa dan Sungai Ara terhalang. Perkaranya ini membawa kerugian ekonomi kepada penduduk-penduduk di kawasan ini dan menimbulkan masalah sosial di kalangan mereka.

Dalam setiap Persidangan Dewan Undangan sering kali saya menarik perhatian Kerajaan Negeri terhadap masalah ini. Dalam perhimpunan pertama, seksi ketiga Persidangan Dewan Undangan dalam bulan Mei tahun ini, Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bayan Lepas pernah menyakinkan saya bahawa pelan pembinaan suatu *open-span bridge* untuk menggantikan *twin culvert* yang ujud sekarang telah disediakan. Oleh yang demikian saya mengambil kesempatan ini merayu kepada pihak Kerajaan Negeri supaya melaksanakan projek tersebut dengan segera. Langkah ini akan meringankan kesulitan penduduk dalam kawasan tersebut.

Tuan Speaker, ada lagi satu masalah yang sangat mendesak yang tidak dapat diatasi oleh Pihak J.K.R., Pulau Pinang, yakni keadaan Jalan Bunga Raya di Bukit Mertajam. Bagi dua tahun yang lalu Pihak J.K.R. hanya menimbus lubang-lubang yang terdapat di jalan tersebut sebanyak tiga kali, tetapi secara begini tidak berjaya mengatasi masalah itu. Dengan menggunakan sistem yang ujud sekarang dan bahan-bahan pembinaan jalan untuk membaiki Jalan Bunga Raya adalah semata-mata membazirkan wang dan membuang masa sahaja. Saya difahamkan, pihak J.K.R. telah menye-

diakan satu pelan untuk membuat sebatang jalan konkrit untuk menggantikan jalan yang ujud sekarang, tapi pelan itu akan memakan wang yang banyak. Akan tetapi, perkara ini ialah suatu keperluan dan pihak Kerajaan Negeri wajib menunaikan tugasnya terhadap penduduk-penduduk Bukit Mertajam dan jangan sekali-kali melepaskan batuk di tangga.

Tuan Speaker, keadaan jalan-jalan di Bukit Mertajam sangat menyedihkan amnya dan keadaan Jalan Bunga Raya pada khususnya. Keadaan yang buruk ini menyakitkan mata orang-orang yang melalui Bukit Mertajam. Keadaan jalan tersebut tidak patut dibiarkan lagi kerana Bukit Mertajam adalah sebuah bandar yang sedang membangun dengan pesatnya. Oleh itu saya merayu kepada pihak Kerajaan Negeri supaya memberi peruntukan yang lebih kepada pihak J.K.R. untuk memperbaiki keadaan bandar Bukit Mertajam.

Sekianlah. Terimakasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee): Tuan Speaker, dengan izin, saya ingin bercakap sedikit di atas Usul mengenai Anggaran Pembangunan bagi tahun 1977.

Bila kita memperkatakan tentang pembangunan, kita selalu barasa bangga atas usaha Kerajaan Negeri kita yang telah mengadakan banyak projek pembangunan di Pulau Pinang di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri kita dalam masa tujuh tahun ini.

Untuk tahun 1977, anggaran perbelanjaan bagi pembangunan adalah kekurangan sebanyak \$3.5 juta. Ini bukanlah suatu tanda kelemahan yang kekurangan sebanyak \$3.5 juta. Ini bukanlah suatu tanda kelemahan yang menunjukkan kedudukan kewangan Negeri kita ini. Sebaliknya ianya adalah suatu tanda kekuatan dan keberanian yang menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri berkeyakinan terhadap masa akan datang dan oleh itu, lebih banyak perbelanjaan disalurkan kepada projek-projek pembangunan ataupun pelaburan yang akan mendatangkan lebih

banyak faedah untuk rakyat dalam masa akan datang ini.

Tuan Speaker, tujuan utama mengadakan pembangunan ialah untuk memperbaiki keadaan kehidupan dan mempertingkatkan taraf hidup rakyat dalam Negeri. Oleh yang demikian ketika usaha-usaha banyak disalurkan kepada pembangunan perindustrian untuk menambahkan pendapatan rakyat, tumpuan perhatian patut juga diberikan kepada pembekalan perkhidmatan sosial dan kemudahan-kemudahan asas seperti perumahan, pelajaran, kesihatan, pengangkutan awam, jalanraya, lampu-lampu, parit dan tali-air dan sebagainya.

Kita sedia maklum bahawa banyak projek pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri itu akan membawakan faedah yang besar kepada rakyat. Walau bagaimanapun, untuk majoriti rakyat, terutamanya untuk mereka-mereka yang berpendapatan rendah, perkara penting ialah adakah keadaan kehidupan sehari-hari itu mencukupi dan adakah mereka diberikan satu peluang adil untuk mencari rezekinya yang sederhana di bawah sistem Kerajaan yang ada sekarang ini. Dengan ini maka rakyat dapat perhubungan secara langsung dengan Kerajaan Tempatan iaitu L.P.K.T. yang mana tanggungjawabnya ialah membekalkan perkhidmatan kepada rakyat setempat. Dan untuk memberikan perkhidmatan yang baik, L.P.K.T. juga diharap dapat mengadakan projek-projek pembangunan seperti lampu-lampu di jalan-jalan, pasar-pasar, parit-parit dan sebagainya.

Tuan Speaker, kita semua maklum bahawa kedua-dua L.P.K.T. yang ada di Pulau Pinang ini sedang menghadapi kerumitan kewangan. Perkara yang *significant* ialah sejumlah perbelanjaan yang besar dibelanjakan untuk gaji dan upah sahaja sedangkan hanya sedikit sahaja belanja digunakan untuk projek projek pembangunan. Keadaan semacam ini adalah kurang sihat dan oleh itu saya menggesa kepada Kerajaan Negeri dan Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan yang se-

wajarnya untuk memperbaiki keadaan ini.

Berhubung dengan ini, Datuk Speaker, saya mengemukakan suatu soalan mengenai mengadakan suatu pasar tambahan di Bukit Mertajam. Soalan membina pasar-pasar tambahan di kawasan-kawasan luar bandar Bukit Mertajam seperti Kampong Baru, Jalan Kulim, Sungai Rambai dan Tanah Liat telah dibincangkan dan dipertimbangkan pada masa yang lalu, tetapi sehingga sekarang ini, belum ada apa-apa yang telah dilaksanakan.

Saya faham, ini adalah disebabkan oleh kekurangan tabung kerana L.P.K.T., Seberang Perai sedang menghadapi kesulitan kewangan. Saya diberitahu juga bahawa L.P.K.T., Seberang Perai tidak mampu membeli setapak tanah untuk mendirikan sebuah pasar di Bukit Mertajam. Kedudukan kewangan L.P.K.T., tidak mungkin bertambah baik dalam beberapa tahun yang akan datang melainkan mendapat bantuan cukup besar dari Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker, bilangan penduduk-penduduk di Bukit Mertajam telah bertambah dengan pesat dalam sepuluh tahun yang lalu. Pasar yang tunggal di Bukit Mertajam yang dibina lebih 50 tahun dahulu telah menjadi terlampau penuh sesak dan tidak mencukupi. Penumpuan penjaja-penjaja di sekitar pasar di pusat Pekan Bukit Mertajam itu telah menyebabkan masalah lalu-lintas di Pekan Bukit Mertajam terlalu serius. Oleh kerana perlunya pasar tambahan sangat mendesak atau *urgent*, tidak patut kita berduduk dan berkata, "Biar kita tunggu sampai L.P.K.T. ada cukup wang."

Tuan Speaker, dalam masa yang lalu Kerajaan Negeri kita telah mengambil alih tanah-tanah yang agak luas untuk kegunaan pembangunan. Pembinaan pasar juga boleh dianggap sebagai satu projek pembangunan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri haruslah memberi pertolongan, jika mungkin bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, dengan memperolehi sekeping tanah yang sesuai untuk pembinaan sebuah pasar di Bukit Mertajam.

Pembinaan sebuah pasar memang menelan perbelanjaan yang besar. Tetapi kita tidak memerlukan sebuah pasar yang dilengkapi dengan segala kemudahan dengan sekaligus. Projek ini boleh dijalankan dengan cara berperingkat-peringkat dan yang mustahak sekali pada mulanya ialah satu tempat yang dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan air paip dan longkang-longkang yang sesuai. Kemudahan tambahan seperti pembinaan gerai-gerai dan lain-lain lagi boleh diperuntukkan apabila wang didapatkan. Dengan yang demikian, kemudahan pasar dapat diperuntukkan secara berperingkat-peringkat untuk memenuhi keperluan penduduk tempatan sebelum masalah menjadi terlalu rumit.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya dalam projek-projek pembangunannya membuat peruntukan untuk membina sebuah pasar tambahan bagi kawasan Bukit Mertajam.

Akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan ini mencadangkan kepada Pihak Perancang Negeri dan Tempatan bahawa peruntukan suatu tempat untuk pembinaan sebuah pasar adalah di antara syarat-syarat untuk mendapatkan kelulusan sekim-sekim perumahan yang besar. Dengan yang demikian, bukan sahaja dapat kita elakkan kemungkinan pasar-pasar yang sedia ada itu menjadi terlalu sesak, tetapi juga dapat kita membekalkan kemudahan pasar dan juga pekerjaan kepada penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan perumahan baru.

Tuan Speaker, lagi satu perkara yang saya ingin mengemukakan adalah mengenai peruntukan Pencegahan Banjir dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1977. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat tadi, beliau telah menyentuh projek-projek pencegahan banjir. Walau bagaimanapun, peruntukan sebanyak \$400,000 bagi pencegahan banjir bagi tahun 1977 di Negeri kita nampaknya tidak mencukupi oleh sebab sebahagian tanah yang besar di Negeri kita, khususnya di Seberang Perai

adalah kawasan-kawasan rendah yang kadang-kadang menjadi banjir.

Tuan Speaker, dalam Mesyuarat Dewan yang diadakan pada 18hb Oktober yang lalu, saya telah mengemukakan soal banjir di Seberang Perai, dan menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan yang tegas untuk memajukan sistem pengairan di kawasan-kawasan banjir di Seberang Perai.

Saya ingin menyentuh sekali lagi masalah banjir, khususnya di kawasan Permatang Rawa, dan Kampong Cross Street, Bukit Mertajam, seperti yang telah disentuh oleh Y.B. Ahli dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam. Di sini, oleh kerana pembinaan sebatang jalan baru, iaitu Jalan Muthupalaniappa, sampah-sarap dan ranting kayu telah disangkut di dua gelung air (Twin Culverts) di bawah jalan melintasi Sungai Ara. Ini telah menyebabkan banjir.

Kedua-dua pihak Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Taliair memang bersetuju dengan saya bahawa untuk mengatasi masalah ini, eloklah dibuangkan dua gelung air itu dan digantikan dengan jambatan terbuka (Open span bridge) supaya air hujan dapat mengalir terus dan cepat.

Saya berharap Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan atas perkara ini. Dengan itu, Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Tuan Speaker, saya ingin menyokong Usul atas kelulusan Anggaran Pembangunan, tahun 1977. Dalam berbuat demikian, saya juga ingin menyentuh sedikit atas beberapa perkara.

Berkenaan dengan perumahan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pihak Berkuasa Negeri di atas kezamannya dalam menyelesaikan masalah perumahan di Negeri Pulau Pinang. Bagaimana hendak memberi perumahan yang mencukupi untuk penduduk-penduduk yang kian bertambah adalah satu masalah yang sangat serius, bukan sahaja bagi Pulau Pinang akan tetapi juga bagi keseluruhan Negara. Peruntukan hampir \$10 juta bagi ran-

cangan-rancangan perumahan dan cangan untuk mengadakan kawasan perumahan peralihan untuk disewakan kepada rakyat serta membenarkan mereka-mereka yang tidak ada rumah-tangga membina rumah-rumah mereka sendiri mengikut pelan Kerajaan di atas tanah yang dipajakkan daripada Kerajaan, bersama-sama ini menunjukkan satu usaha yang berani dan *imaginative* dari Kerajaan Negeri terhadap masalah perumahan. Apabila dilaksanakan dengan jayanya nanti, ini akan menghalang aktiviti-aktiviti perumahan yang haram dan memberi satu lagi faktor yang setabil bagi harga rumah-rumah di dalam Negeri.

Bagaimanapun, Datuk Speaker, pilihan tempat bagi sekim-sekim perumahan seperti ini adalah penting. Sekim-sekim di pusat-pusat perkembangan baru telah dirancang selaras dengan rancangan-rancangan perindustrian supaya penduduk-penduduk di dalam kawasan itu bo'eh dapat mencari peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang berhampiran dan apa-apa kemudahan infrastruktur yang telah dibawa masuk oleh industri-industri itu akan juga memberi khidmat kepada kawasan-kawasan kediaman.

Walau bagaimanapun, mengenai industri pelancungan perancangan yang selaras seperti itu nampaknya kurang. Ini adalah khasnya jelas di Batu Feringghi dan Tanjung Bungah, di mana hotel-hotel tepi pantai dibina untuk pelancung-pelancung. Apabila lebih banyak lagi pelancung-pelancung datang dan lebih banyak lagi hotel-hotel dibina, maka terdapatlah satu keperluan yang kian bertambah bagi rancangan-rancangan perumahan seperti ini untuk mereka-mereka yang mendapat kerja di hotel-hotel ataupun lain-lain peluang pekerjaan dan perniagaan di dalam kawasan-kawasan itu.

Datuk Speaker, peruntukan yunit-yunit perumahan Kerajaan ada juga satu perkara yang hendak diuruskan dengan cermat. Adalah tujuan Kerajaan Barisan Nasional untuk mencapai satu masyarakat yang adil dan saksama. Peruntukan yunit-yunit per-

mahan mestilah bukan sahaja dibuat dengan adil, tetapi mesti juga jelas nampak adil. Orang-orang yang betul-betul memerlukan rumah untuk duduk sendiri yang hendak diberi yunit-yunit tersebut, dan bukan orang-orang yang telah berada satu atau lebih dari satu rumah, seperti dalam perkara lesen-lesen teksi. Kesilapan untuk membenarkan banyak yunit-yunit rumah pangsa di Jalan Padang Tembak dimiliki oleh orang-orang yang mempunyai kereta Mercedes Benz atau Alfa Romeo, atau orang-orang yang mendapat keuntungan wang dengan mengutip "*tea-money*" atau "*Coffee-money*" dan sewa yang lebih tinggi dengan menyewa yunit-yunit mereka secara haram, dan dengan ini mengambil peluang *exploit* mereka-mereka yang betul-betul memerlukan rumah untuk duduk sendiri. Kesilapan ini mestilah dielakkan samasekali. Jika perlu, peruntukan hendaklah dibuat bagi yunit ini dijual kembali kepada Kerajaan, dengan harga kos bertambah dengan faedah yang mungkin, apabila seseorang tuan punya rumah itu mampu untuk memiliki satu atau lebih dari satu rumah di luar.

Peruntukan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan sosial dan awam yang mencukupi bagi mana-mana rancangan perumahan, mesti juga ditentukan. Jikalau tidak, dalam urusan menyelesaikan masalah perumahan, kami mungkin mengujukkan banyak lagi masalah-masalah sosial dan pelajaran pada masa hadapan.

Datuk Speaker, mengenai masalah penempatan semula setingan, saya berasa gembira untuk mengambil ingatan bahawa \$3.15 juta telah pun di-khaskan untuk tujuan ini. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk menguntukkan bayaran ganti-rugi yang mencukupi dan juga penghidupan yang sempurna di kawasan-kawasan penempatan semula bagi mereka-mereka yang terlibat oleh mana-mana pembangunan walaupun ini akan melibatkan lebih banyak sedikit wang umum.

Berkaitan dengan perkara ini, saya berharap supaya semua pemaju-pemaju swasta dapat mengikut usaha Kerajaan dalam memberi bayaran ganti-rugi mereka-mereka yang terlibat oleh projek pembangunan mereka. Misalnya, baru-baru ini, salah seorang pemaju di Perak Lane hanya memberi ganti-rugi sebanyak \$200 hingga \$300 sekeluarga sahaja kepada penyewa-penyewa kecil yang telah mendiami di mana dalam masa 15 hingga 20 tahun yang lalu dan tidak ada tempat-tempat gantian yang diuntukkan.

Datuk Speaker, mengenai jalan-jalan, adalah sungguh menyenangkan hati untuk mengetahui bahawa lebih daripada \$6 juta telah diuntukkan bagi pembinaan dan perbaikan jalan-jalan dan jambatan. Dengan bertambah pesatnya pembangunan di Negeri Pulau Pinang, permintaan-permintaan untuk jalan-jalan baru atau untuk memperbaiki jalan-jalan yang sedia ada kian bertambah juga.

Keperluan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya atas pembinaan jalan-jalan, jalan masuk dan parit-parit mengikut taraf Kerajaan di mana-mana sekim perumahan adalah satu langkah yang perlu dan dialu-alukan. Walaupun satu arahan negeri telah dikeluarkan seawalnya pada tahun 1965 bagi mencapai tujuan ini, tetapi undang ini hanya mulai dikuatkuasakan baru-baru ini. Masih terdapat jalan-jalan masuk walaupun di tengah-tengah bandar yang masih merupakan jalan-jalan swasta dan dalam keadaan berlokap-lopak. Dan rumah-rumah di sekitarnya adalah rumah-rumah yang sah yangmana Sijil Pendudukan telah pun dikeluarkan dan taksiran-taksiran telah dikutip. Akibat kecuaiannya agensi-agensi Kerajaan untuk menguatkuasakan arahan ini maka orang-orang umum terpaksa mengalami kesusahan. Bagi Kerajaan pula, kita tidak dapat pemberian wang untuk jalan (road grants) daripada Kerajaan Persekutuan semata-mata disebabkan jalan-jalan itu tidak diambil alih lagi. Oleh yang demikian saya harap Pihak Berkuasa Negeri dapat menyiasat perkara ini dan cuba memperbaiki ke-

adaannya dengan secepat yang mungkin.

Saya juga berharap Pihak Berkuasa Negeri akan menimbang dengan teliti atas cadangan untuk membina sebatang jalan gantian ke Batu Feringghi dan Telok Bahang. Tanah yang didapati dari kawasan bukit-bukit yang terpaksa digali akan merupakan bahan-bahan yang berguna bagi rancangan menebusguna tanah di Pantai Utara. Apabila disiapkan nanti jalan gantian ini akan juga menyegerakan dan memesatkan lagi pembangunan di sebelah kawasan tanah di Tanjung Bungah, Batu Feringghi dan Teluk Bahang.

Datuk Speaker, mengenai perkara banjir, saya berasa gembira bahawa Jabatan Parit dan Taliair akan menyiasat masalah banjir di beberapa kawasan. Dalam kes banjir di Kampong Haji Mahmud, Kampong Cina dan Kampong Sayur di sepanjang Jalan Tanjung Tokong, keadaannya telah diperbaiki berikutan dengan kerja-kerja membersihkan dan mendalamkan sungai dan parit serta perbaikan atas pembetong-pembetong (culverts) baru-baru ini melalui projek Gotong Royong dan usaha Kerajaan. Tetapi langkah untuk tempoh panjang seperti yang telah dijanjikan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan semasa Pemangku Ketua Menteri melawat ke kawasan-kawasan itu di hujung tahun 1975 bagi tujuan menghapuskan samasekali masalah banjir di sana, masih belum dijalankan lagi. Adakah ini disebabkan pembangunan yang tidak seimbang atau kekurangan perancangan dan kawalan pembangunan pada keseluruhannya? Saya harap Jabatan-jabatan yang berkenaan akan dapat mengerjakan langkah-langkah untuk tempoh panjang supaya penduduk-penduduk di sana tidak payah lagi mengalami keadaan banjir. Saya harap Pihak Berkuasa Negeri dapat memberi perhatian yang sama terhadap masalah banjir di kawasan ini.

Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.30 pagi.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Speaker, saya ingin mengambil bahagian di dalam Anggaran Pembangunan di Pulau Pinang bagi tahun 1977. Kita sungguh berasa gembira atas peruntukan yang telah dibuat bagi Anggaran Pembangunan bagi Negeri kita pada tahun 1977 yang mana jumlah anggaran adalah sebanyak \$39,509,650. Ini adalah satu anggaran yang paling besar dan saya mengucapkan terima kasih atas anggaran ini dan berharap Kerajaan akan dapat melaksanakan segala rancangan-rancangan yang telah diatur dalam Anggaran Pembangunan mengikut matlamat.

Datuk Speaker, di samping mengalukan Anggaran Pembangunan ini, saya juga ingin mengambil bahagian bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat saudara-saudara saya yang telah mengambil bahagian tadi atas Anggaran Pembangunan bagi tahun 1977. Di sini saya akan menyentuh beberapa aspek yang penting untuk pertimbangan Kerajaan sambil berharap agar perlaksanaan yang sewajarnya demi kemajuan dan kepentingan rakyat.

Perkara yang pertama saya ingin menyentuh ialah mengenai Jabatan Pertanian. Datuk Yang di-Pertua, dengan peruntukan sebanyak \$200,000 bagi meluaskan perkhidmatan perkembangan, Jabatan Pertanian hendaklah mengambil bahagian yang berat dan membanyakkan latihan-latihan dalam bidang pertanian mengikut cara pertanian moden. Dengan adanya latihan-latihan dari segi perkembangan kepada semua petani-petani, maka kita yakin Negara kita akan dapat melahirkan petani-petani yang begitu cekap dan mempunyai pengalaman dalam pertanian moden supaya dapat membantu Negara kita supaya mengeluarkan hasil dalam Negara kita. Apa yang penting bagi kita ialah kita berharap bahawa petani adalah menjadi tulang belakang pada Negara kita dan sumbangan para petani ini adalah satu sumbangan yang besar, kepada Negara dan bagi rakyat Negara kita. Oleh yang demikian saya berharap dengan peruntukan yang diumumkan oleh Jabatan Pertanian ini dalam bidang ini Jabatan

Pertanian sentiasa mengambil daya usaha bagi membimbing para petani kita dalam bidang tersebut.

Selain daripada usaha-usaha kita melatih para petani kita dalam bidang perkembangan ini, Jabatan ini hendaklah membuat kajian dan sentiasa mengambil perhatian di mana-mana juga tempat yang boleh diusahakan untuk pertanian dalam Negara kita. Jadi dengan adanya usaha Jabatan ini bagi mengkaji dan menyiasat di mana tanah yang boleh dilaksanakan untuk projek pertanian dalam Negeri kita, saya percaya bahawa sekiranya usaha ini dijalankan dengan sesungguhnya dari Jabatan yang berkenaan banyak kawasan-kawasan yang boleh diusahakan untuk pertanian. Umpamanya satu kawasan tanah seluas 320 ekar dan kawasan Sungai Chenaam dan Sungai Acheh yang mana kawasan ini telahpun dilaksanakan rancangan-rancangan yang menelan perbelanjaan lebih daripada \$300,000 oleh Jabatan Parit dan Taliair yang mana bahan-bahan dan juga saluran air telahpun siap tapi perlaksanaan bagi kegunaan tanah ini untuk bidang pertanian belum lagi kita laksanakan; jadi saya harap supaya Jabatan ini dapat melaksanakan rancangan ini dengan seberapa cepat yang boleh. Selain daripada tanah di Sungai Chenaam, apa yang saya dapat tahu ialah ada satu kawasan di Pulau Burung berhampiran dengan Changkat yang juga boleh digunakan untuk projek pertanian. Jadi dengan adanya usaha-usaha bagi mengeluarkan bidang pertanian ini, dapatlah Kerajaan menolong rakyat yang berharap supaya dapat menjalankan usaha-usaha mereka dalam bidang pertanian.

Datuk Speaker, berhubung dengan peruntukan yang telah dibuat oleh Jabatan Parit dan Taliair saya ingin meminta perhatian Kerajaan supaya dengan peruntukan yang dibuat oleh Jabatan Parit dan Taliair ini dapatlah dijalankan usaha-usaha bagi menolong rakyat di kawasan-kawasan luarbandar dan kawasan-kawasan pertanian yang mana di dalam kawasan-kawasan pertanian ini ada terdapat ban-ban dan selain daripada ban itu pula titi untuk menyeberangi parit ban tadi. Jadi ke-

banyakkan kawasan-kawasan ini masih belum ada titi-titi untuk kemudahan petani-petani menyeberangi ke sawah mereka bagi membawa hasil-hasil pertanian mereka dan ada juga terdapat titi-titi yang telah dibina oleh Jabatan Parit dan Talian kebanyakan telah terbiar dan tidak begitu mendapat perhatian. Kebanyakan titi-titi itu telahpun rosak. Oleh yang demikian, Datuk Speaker, saya berharap supaya Jabatan ini akan dapat mengambil perhatian berat bagi menghadapi masalah petani dengan membina dan memperbaiki titi-titi baru.

Satu lagi rancangan yang suka saya menarik perhatian Dewan ini ialah mengenai masalah banjir dan saya akan sukacita sekiranya dalam Anggaran Pembangunan 1977 Kerajaan Negeri telahpun menguntukkan wang yang banyak untuk menghadapi masalah banjir. Oleh yang demikian saya meminta daripada anggaran ini hendaklah diperuntukkan sedikit ke kawasan Nibong Tebal bagi mendalamkan saliran air di kawasan itu untuk mengatasi masalah banjir. Dalam kawasan Nibong Tebal, dan dua kawasan yang selalunya dinaiki air, iaitu di kawasan Kg. Tohai dan Kg. Pinang, melibatkan Sekolah Methodist, Nibong Tebal. Kadangkala, bila hujan turun air masuk sampai ke dalam sekolah itu. Jadi, oleh yang demikian, saya berharap supaya dengan peruntukan yang telah kita untukkan ini dapat mengatasi masalah banjir di kawasan Nibong Tebal.

Datuk Speaker, berhubung dengan peruntukan pembangunan daripada Jabatan Kerja Raya saya ingin menyentuh beberapa perkara supaya diambil perhatian dan perlaksanaan yang segera. Yang pertama, membaiki jalan-jalan di tepi Sungai Pekan Nibong Tebal yang mana jalan-jalan ini sudah terbiar lebih-kurang 5 tahun. Keadaan jalan ini begitu buruk sekali dengan berlubang-lubang dan ini adalah membahayakan lalu-lintas penduduk-penduduk di kawasan ini. Walaupun jalan-jalan ini digunakan sebagai jalan belakang tapi ini adalah tanggungjawab kita untuk memberi kesempurnaan kepada rakyat bagi kemudahan mereka.

Dalam usaha memperbaiki padang-padang permainan juga saya berharap dengan peruntukan yang ada dalam rancangan pembangunan 1977 ini dapat Kerajaan memberi pertimbangan kepada Daerah Nibong Tebal bagi memperbaiki padang-padang permainan dan sebagainya. Datuk Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian sedikit dalam masalah memperbaiki dan membina padang-padang permainan supaya kita dapat menyelaraskan rancangan ini dengan jabatan-jabatan yang terlibat, umpamanya, padang permainan ada terdapat dibina oleh L.P.K.T. dan saya nampak dalam peruntukan ini terletak di bawah peruntukan J.K.R. Walaupun demikian saya berharap saya dan penduduk Daerah Nibong Tebal dapat mengadakan rancangan bagi memperbaiki dan memperluaskan padang-padang ini atau pun membina padang-padang baru bagi kawasan Nibong Tebal supaya dapat menyesuaikan dengan kehendak belia-belia kita supaya dapat mereka menjalankan kegiatan mereka dalam bidang sukan. Apa yang penting yang patut mendapat perhatian Dewan ini ialah mengenai satu pusat iaitu Kompleks Pelbagaiguna yang boleh kita gunakan untuk menjalankan aktiviti sukan dan sebagainya. Ini adalah satu perkara penting yang patut mendapat perhatian dari Kerajaan selain daripada kita mengatasi masalah-masalah keperluan belia kita dalam bidang sukan. Keperluan kepada murid-murid sekolah juga adalah mustahak.

Yang Ketiga ialah sambungan jalan. Satu perkara yang saya menarik perhatian Jabatan Kerja Raya supaya dapat menimbang semula atau pun melaksanakan dengan segera sebatang jalan sambungan iaitu Jalan Paya Kemian yang mana jalan ini telah pun dibina separuh pada beberapa tahun yang lalu dan rancangan ini telah pun diberhentikan buat sementara waktu. Jadi saya berharap dengan peruntukan yang ada ini bahawa Jabatan Kerja Raya hendaklah memberi pertimbangan bagi melaksanakan rancangan ini atau pun meneruskan rancangan ini supaya dapat disiapkan.

Yang keempat, mengenai sekolah-sekolah yang hampir uzur. Saya suka menarik perhatian Kerajaan bahawa sungguh pun perkara ini ada hubungan secara langsung dengan Kementerian Pelajaran tetapi perkara ini mestilah dikaji dan dilaporkan oleh Jabatan Kerja Raya yang bertanggungjawab secara langsung mengenai semua bangunan-bangunan Kerajaan. Oleh itu saya berharap supaya Jabatan Kerja Raya menyasat dan melaporkan mengenai kedudukan Sekolah Kebangsaan Sungai Setar yangmana sekolah ini telah didirikan semenjak penjajah dahulu. Dan keadaan sekolah ini pun tidaklah begitu baik dan kedudukannya adalah sangat uzur. Saya berharap supaya pihak Jabatan Kerja Raya akan dapat memberi pertimbangan dan perhatian dalam masalah ini.

Yang Kelima, berhubung dengan feri Bukit Tambun dan Batu Kawan. Saya suka menarik perhatian Dewan ini, iaitu mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk kawasan Bukit Tambun dan Batu Kawan, yangmana kita sedia maklum bahawa feri-feri yang sedang memberikan perkhidmatan membawa penduduk-penduduk atau pun penduduk berulang-alik di kawasan Bukit Tambun dan Batu Kawan selalu kita dapati feri-feri itu rosak. Kadangkalanya sehingga menyebabkan murid-murid sekolah tidak dapat datang ke sekolah dan ada kalanya feri ini sampai atau pun sepuluh hari tidak dapat memberikan perkhidmatan. Maka terpaksa murid-murid sekolah daripada Batu Kawan yang hendak datang ke Bukit Tambun menaikki sampan-sampan kecil. Kita bimbang kalau perkara ini tidak dapat atau pun tidak diambil perhatian yang serius kemungkinan satu trajidi yang sama dengan trajidi Parit Buntar akan berlaku kepada murid-murid sekolah kita.

Selain daripada itu, dari segi kesihatan dan dari segi kemudahan-kemudahan yang lain, saya pernah diberitahu oleh penduduk-penduduk di Batu Kawan ada ibu yang hendak bersalin sampai di pangkalan Batu Kawan tetapi tidak dapat meneruskan perjalanannya ke Bukit Tambun untuk

ke Sungai Bakap oleh sebab feri ini rosak dan ibu itu bersalin di pertengahan jalan. Oleh yang demikian saya berharap bahawa Kerajaan akan mengambil perhatian yang berat bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kawasan Bukit Tambun dan Batu Kawan.

Datuk Speaker, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh mengenai rancangan Kerajaan untuk membangunkan rumah-rumah rakyat ataupun rumah-rumah murah dan juga rumah peralihan. Saya mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan yang telah menyiarkan satu rancangan untuk melaksanakan projek rumah peralihan di semua kawasan-kawasan pilihanraya Negeri iaitu yang berjumlah lebih daripada 27 kawasan, tetapi apa yang malangnya bagi kawasan Nibong Tebal sendiri ialah tidak ada kawasan ataupun tanah Kerajaan. Oleh yang demikian, saya berharap dan merayu kepada pihak Kerajaan supaya mengadakan peruntukan bagi mengambil tanah untuk melaksanakan projek ini.

Satu lagi perkara yang menarik perhatian saya bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan ataupun di daerah Nibong Tebal ialah mengenai projek ataupun rancangan rumah di Kampung Hulu. Apa yang saya harapkan ialah supaya projek ini dapat dilaksanakan mengikut matlamat dan begitu juga rancangan ini (rancangan perumahan) sebelum dibuat hendaklah dikaji mengikut kehendak dan kemampuan rakyat di kawasan ini.

Datuk Speaker, itulah sedikit sebanyak pandangan yang dapat saya sampaikan untuk pertimbangan Dewan ini dalam rancangan pembangunan tahun 1977. Oleh yang demikian saya menyokong atas Anggaran Pembangunan bagi tahun 1977.

Sekian. Terimakasih.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, saya suka mengambil bahagian sedikit di dalam Anggaran Belanjawan Pembangunan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua

Menteri yangmana saya menganggapkan Anggaran Pembangunan ini adalah suatu anggaran yang akan meliputi segala aspek dan akan memberi menafaat kepada seluruh rakyat terutama rakyat di Negeri Pulau Pinang ini.

Di samping itu, Datuk Speaker, saya sukaiah menyentuh sedikit sebanyak di dalam Anggaran Pembangunan ini iaitu yang menarik perhatian saya walaupun pada pagi kelmarin saya sudah bangkitkan banyak masalah-masalah yang ada hubungan dengan Jabatan Parit dan Taliair. Jadi Datuk Speaker, apa yang saya suka bangkitkan hari ini ialah mengenai peruntukan-peruntukan padang permainan yangmana saya harap ataupun saya nampak dengan adanya peruntukan-peruntukan untuk memperbaiki tempat-tempat permainan menjadi satu daya usaha yang paling baik sekali untuk menarik minat di kalangan belia kita yang ada di seluruh Negeri kita ini. Sebabnya, Datuk Speaker, ialah kalau padang-padang permainan ini banyak didirikan di kampung-kampung ataupun di peringkat-peringkat daerah saya berpendapat inilah satu cara yang paling baik untuk kita menarik belia-belia kita daripada membuang masa di tepi-tepi jalan di waktu petang dan sebagainya.

Untuk pengetahuan Dewan ini ada satu padang bola di Pasir Gebu yang saya berpendapat sudah begitu lama telah dibina, semenjak Kerajaan British dahulu sehingga sekarang tidak ada pihak-pihak mana jua pun mengambil tahu ataupun mengendalikan keadaan padang bola itu. Jadi, dalam penyusunan kita hendak memperbaiki dan memperelokkan padang-padang permainan ini saya berharaplah supaya pihak Kerajaan dapat memberi perhatian di dalam perkara ini.

Datuk Speaker, saya sukaiah menarik perhatian sedikit, iaitu dalam Anggaran Pembangunan ini mengenai peruntukan khas projek khas dan pembangunan masyarakat yangmana saya rasa inilah satu peruntukan yang akan menarik perhatian yang lebih baik terutama sekali bagi pengundi-pe-

ngundi ataupun orangramai di tiap-tiap kawasan pilihanraya kita ini kerana dengan adanya rancangan pembangunan masyarakat ini dapat kita menjalankan banyak kursus-kursus sivik yangmana kursus sivik ini akan dapat membimbing ataupun menjaga rakyat kita ataupun belia-belia kita daripada terjerumus ataupun dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak diinginkan dan juga anasir-anasir yang anti-nasional dan juga pengaruh-pengaruh dadah dan sebagainya.

Berhubung dengan ini juga, saya sukaiah menarik perhatian iaitu di dalam hubungan masyarakat. Dewan orangramai yang ada di seluruh Negeri kita ini pada pandangan saya tidak ada orang yang bertanggungjawab khusus untuk menjaganya. Banyak dewan orangramai telah dirosakkan dan juga didiami oleh kambing-kambing dan lembu-lembu. Jadi saya berharap kalau dapat, pihak Kerajaan meletakkannya di bawah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan diadakan satu peruntukan untuk mengawal dan menjaga dewan orangramai yang ada di Negeri ini. Saya pernah menghaziri mesyuarat yang diadakan di dewan orangramai, tetapi sebelum kami dapat menjalankan mesyuarat kami terpaksa membersihkan dewan itu kerana dipenuhi dengan tahi kambing, tahi lembu dan juga terpaksa menyusun meja-meja yang ada di dalam dewan orangramai. Jadi kalau kita letakkan di bawah satu pentadbiran dan memberikan sedikit peruntukan untuk menjaga dan mengawal dewan orangramai ini, saya rasa ini adalah satu jalan yang baik untuk kita menjaga harta-harta Kerajaan yang terbiar yang tidak ada orang yang bertanggungjawab seperti dewan orangramai ini.

Datuk Speaker, walaupun tidak disentuh di dalam peruntukan pembangunan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, saya rasa patutlah saya menyentuh sedikit mengenai nelayan-nelayan. Tidak kurang penduduk-penduduk atau rakyat Negeri Pulau Pinang ini masih mencari nafkah ataupun mata pencarian me-

reka di laut sebagai nelayan yangmana saya nampak tidak ada satu peruntukan ataupun sumbangan yang patut diberikan oleh pihak Kerajaan kepada mereka walaupun nelayan-nelayan ini, kita tahu, adalah di bawah Jabatan Perikanan dan juga Kementerian Pertanian bagi peringkat pusat. Kerajaan Negeri patutlah mengambil perhatian kepada nelayan-nelayan kita yangmana mereka ini adalah satu golongan rakyat yang begitu menderita sekali kalau kita bandingkan dengan rakyat-rakyat kita yang lain. Jadi saya berharaplah Kerajaan Negeri akan memberi perhatian atau pun mengadakan apa-apa peruntukan yang sewajarnya sebagai sumbangan daripada Kerajaan Negeri kepada nelayan-nelayan kita yang tidak kurang banyaknya di Negeri Pulau Pinang ini.

Pada akhirnya, Datuk Speaker, dalam Anggaran ini juga saya suka menarik perhatian, kalau dapat, bagi pihak Dewan ataupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil perhatian kepada bekas-bekas Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri kita yang telah bersara yangmana mereka termasuk di dalam golongan orang-orang yang bersara dan pada hari ini, pada pendapat saya, mereka tidak mendapat layanan mengenai hospital dan sebagainya. Apa salahnya pihak Kerajaan memberikan satu prioriti kepada mereka ini supaya dapat layanan perubatan sebagai bekas-bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang telah bersara. Itulah harapan saya, Datuk Speaker, dan saya ucapkan terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Yang Berhormat Datuk Speaker, saya wakil daripada Bagan Ajam ingin menyokong kertas Risalah Bil. 14, tahun 1976, atas Anggaran Pembangunan bagi tahun 1977.

Saya mempunyai keyakinan bahawa Anggaran Perbelanjaan tahun 1977 yang menelan perbelanjaan sebanyak \$40 juta akan membawa rakyat Negeri Pulau Pinang ke suatu nafas baru dan juga saya berharap kepada pihak ketua-ketua jabatan yang bertanggungjawab yang telah diamanahkan untuk menjalankan projek-projek

itu dapat menjalankan kemajuan-kemajuan tanpa gangguan dan halangan. Pada masa yang sudah, kita dapati bahawa pada akhir tahun banyak wang peruntukan yang berlebihan disebabkan oleh pelaksanaan projek-projek tidak dapat dibuat. Ini bererti kita telah menipu rakyat dan merugikan cadangan-cadangan daripada rakyat. Tujuan utama konsep Kerajaan kita adalah untuk memberi kemudahan dan memberi nikmat kepada rakyat jelata. Sesiapa juga tidak boleh menafikan bahawa rakyat jelata sekarang ini menghadapi empat *problems* yang besar:

Yang pertama ialah kekurangan perumahan atau tempat tinggal. Jadi sudah sepatutnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga diutamakan perumahan. Rumah-rumah yang akan didirikan di kawasan Bagan Ajam itu saya berharap 80 peratus rumah-rumah itu hendaklah diberikan kepada penduduk-penduduk di kawasan Bagan Ajam yang telah tinggal seratus tahun di kawasan itu.

Yang kedua ialah kekurangan kemudahan dari segi kesihatan dengan sebab kita tahu kejadian banjir dan juga keadaan kemudahan parit-parit serta saliran air yang tidak berjalan dengan baik menjadikan kawasan Bagan Ajam, terutamanya di pekan Bagan Ajam dan pekan Sungai Puyu, selalu air dalam parit-paritnya bertakung dan menjadikan sarang-sarang nyamuk. Selain daripada itu juga, dengan sebab kemudahan-kemudahan lesen kecil untuk *cottage industry* di kawasan-kawasan perumahan ini menyebabkan kawasan-kawasan di situ kebisingan, berhabuk dan juga berbau busuk, umpamanya lesen kebenaran membuat belacan di kawasan Bagan Jermal. Penduduk-penduduk di Bagan Jermal sedang menggelisah berkenaan bau busuk belacan di kawasan itu. Saya berharap kepada pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya mengambil tindakan tegas atas bau busuk belacan di kawasan Bagan Jermal itu.

Yang Ketiga ialah kekurangan pekerjaan dengan sebab Pulau Pinang

sebagai Pulau Mutiara atau juga Seberang Perai sebagai negeri yang banyak mempunyai industri, banyakkah pemuda-pemuda dari seluruh Malaysia ini datang ke Pulau Pinang dan Seberang Perai. Maka dengan sebab itu, kebanyakan pemuda-pemuda negeri kita sendiri banyak yang menganggur. Dengan sebab itu, bagi pihak Kerajaan harus mengawasi perkara ini supaya dengan cara ini kita dapat mengelak daripada pengangguran dan kejadian curi samun tidak akan terjadi.

Selain daripada itu juga, rakyat juga menderita terutama rakyat-rakyat yang tinggal di rumah-rumah dalam kawasan tanah orang-orang yang empunya tanah. Mereka ini tidak mendapat kemudahan api dan air dengan sebab dapat gangguan daripada tuan tanah. Saya berharap pihak L.L.N. dan juga Pihak Berkuasa Air dalam pembahagian air dan juga pihak Kerajaan akan mengatasi perkara-perkara ini kerana rakyat di situ mereka juga ingin sebagai orang lain untuk menerima kemudahan api dan air.

Datuk Speaker, saya juga mengucapkan terima kasih kerana kebijaksanaan Kerajaan Negeri kita dalam memperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Taliair yang menelan belanja hampir \$10 juta dalam tahun 1977. Dengan peruntukan sebanyak itu dapatlah kedua-dua Jabatan menyelesaikan berkenaan dengan parit yang melalui bendang-bendang dan juga parit-parit di kawasan kiri-kanan jalan-jalan yang berlopak, titi yang kecil dapat dibaiki oleh kedua-dua Jabatan ini.

Datuk Speaker, begitu juga berkenaan dengan rancangan membasmi banjir, saya juga berharap kalau pihak di Taman Brown dan juga di Bukit Glugor adalah di bawah rancangan Kerajaan, pihak di bahagian Seberang Perai Utara itu juga dapat Kerajaan membuat suatu kajian untuk membasmi berkenaan dengan kejadian banjir ini.

Datuk Speaker, saya juga suka menarik perhatian Dewan ini sebagaimana seruan Y.A.B. Ketua Menteri pada petang kelmarin, iaitu kita Ahli-ahli Dewan Rakyat semua akan be-

kerjasama dengan pihak-pihak Jabatan lain supaya kita dapat menyelesaikan beberapa masalah yang rumit. Seruan ini bukan sahaja kita tampung dengan tapak tangan bahkan nyiru kita tadahkan. Tetapi apa yang mendukacitakan kita ialah ada di antara Pegawai-pegawai Kerajaan yang masih belum tahu apa dia tugas Wakil Rakyat.

Sebagai satu kejadian baru-baru ini, seorang daripada Wakil Rakyat yang tidak hazir dalam Dewan ini kerana sakit telah pergi berjumpa Pegawai Kesihatan di Butterworth. Dia telah memberitahu bahawa dirinya adalah Ahli Dewan Undangan Negeri. Pegawai itu tidak mengerti apa dia Ahli Dewan Undangan Negeri. Ahli itu cuba menterjemahkan bahawa "Ahli Dewan Undangan Negeri" ialah "State Assemblyman". Juga pegawai itu tidak tahu apa dia "State Assemblyman". Yang pegawai itu mahu tahu ialah, "Siapa majikan awak?". Kemudian Wakil Rakyat ini memberitahu bahawa majikan atau *boss-nya* ialah Y.A.B. Ketua Menteri, Dr Lim Chong Eu. Pada masa itu pegawai itu baru berasa ketar dan mengangkat bangku dan memberikannya kepada Ahli kita itu dan memberi rawatan yang sewajarnya kepadanya. Jadi inilah kita berharap perkara-perkara begini tidak akan menimpa lagi kepada Wakil Rakyat yang lain.

Sekian sahaja. Saya ucapkan terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Datuk Speaker, saya ingin mengambil bahagian atas bahasan Usul ini.

Anggaran Pembangunan tahun 1977 untuk Negeri Pulau Pinang yang dianggarkan untuk perbelanjaan lebih-kurang \$40 juta adalah yang paling besar dengan berbagai-bagai keutamaan yang dicadangkan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka-mereka yang menyediakannya.

Sebahagian daripada pendapatan anggaran ini adalah pinjaman, iaitu \$20,124,000 daripada Kerajaan Persekutuan dan jumlah ini akan digunakan untuk rancangan-rancangan perumahan murah dan perusahaan. Majlis Un-

dangan ini tentu sedar akan faktor bahawa pada masa lalu Negeri kita adalah satu daripada negeri-negeri yang telah membayar balik penjaminan dengan syarat-syarat yang dipersetujui, dan dengan yang demikian kita mempunyai imej yang baik dan saya setuju bersama-sama Kerajaan bila pinjaman ini adalah untuk projek di mana tanpa halangan, tidak ada perkembangan dan kemajuan.

Adalah dianggarkan bahawa Negeri Pulau Pinang akan membelanjakan \$70,174,220 untuk Rancangan Perumahan Murah dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Ketiga iaitu dari 1976 hingga 1980 dan dari jumlah ini, sebanyak \$5,454,500 dijangka akan dibelanjakan untuk tahun ini.

Dalam tahun 1977, jumlah sebanyak \$10,424,000 dijangka akan dibelanjakan ke atas Rancangan Perumahan Murah di mana adalah dua kali ganda perbelanjaan tahun ini. Ini jelas menunjukkan yang Kerajaan sedar akan kepentingan dan kehendak untuk rumah-rumah murah di Negeri Pulau Pinang dan berusaha akan memenuhi kehendak-kehendak yang berpendapatan rendah. Ini juga menunjukkan yang Kerajaan akan memberi keutamaan dan sekarang sedang menjalankannya.

Anggaran baki sebanyak \$54,295,270 akan digunakan untuk Rancangan Perumahan Murah dalam jangkamasa tahun 1978 hingga 1980 dan ini dikira lebih-kurang \$14,765,240 setahun. Jika dibandingkan bilangan pembinaan rumah-rumah pada tahun ini oleh Kerajaan Negeri, dua kali ganda akan dibina pada tahun hadapan dan tiga kali ganda lebih dalam tiap-tiap tahun 1978, 1979 dan 1980.

Saya percaya ini akan dialu-alukan oleh penduduk-penduduk Pulau Pinang. Rumah-rumah murah hendaklah dapat disesuaikan dengan kemajuan mereka-mereka yang miskin dan jika perlu rumah-rumah ini hendaklah ditambahkan.

Saya sangat dukacita memahami bahawa tidak ada apa-apa rancangan perumahan murah di dalam kawasan pilihanraya saya, iaitu Bagan Dalam. Di Perai, dari pembangunan yang di-

jalankan di bandar tersebut, penghuni-penghuni yang tinggal dari beberapa keturunan akan dipindahkan berperingkat-peringkat dan kebanyakan penduduknya adalah miskin seperti buruh yang bekerja di kilang, pekerja di P.P.C. di sekeliling Perai, dan orang-orang yang tinggal di Kampong Bagan Dalam, Kampong Musang dan Kampong Perlis kebanyakannya tinggal di rumah-rumah yang disewa yang bukan mahal tetapi *sub-standard*.

Dengan izin, Tuan Speaker, may I be permitted to follow up in English? Quite a number of people living in Kampong Bagan Dalam, Kampong Musang and Kampong Perlis are living under sub-standard conditions in rented houses. Last month, a few of the desperate occupants had constructed houses along the river mouth at Pantai Ujung Batu not because they intended to disobey the law but because they were desperate and in need of houses. On being told by the Collector of Land Revenue, some have already demolished the structures illegally put up by them and the others are in the course of doing so, being law-abiding citizens.

I bring this to the knowledge of this Dewan because I feel that though they had taken the law into their own hands, they had on being advised, followed the law and demolished the structures although they had, in the first instance, put up those structures because they were in desperate need of houses. I would urge the Government to take all these into consideration and to make provisions for low-cost houses in the Bagan Dalam constituency wherever possible.

Tuan Speaker, here I would like to pause for a moment to think over the past when a major portion of this sum provided for Rancangan Rumah Murah under the Second Malaysia Plan was not used by the Kerajaan Negeri because of lack of manpower and machinery to draw up and implement the Rancangan Perumahan Murah. I am confident that the same mistake will not be repeated and that if necessary, the Kerajaan Negeri should not hesitate to strengthen the manpower of the al-

ready existing machinery so as to generate greater results.

Tuan Speaker, pada masa ini Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah mengambil tindakan bagi pihak Kerajaan Negeri untuk membina rumah-rumah di Pulau Pinang dan untuk projek tersebut \$257,539,000 adalah dipinjamkan kepada Perbadanan tersebut.

It has also been said by Y.A.B. the Chief Minister that the Government is thinking of setting up a statutory body for housing. I hope that this body, when set up, will not be a mere decorating or servicing body but one which will also go into development of houses side by side with the P.D.C. so that there will be competition between the bodies of the Government sector and the public could be given the choice of selection of houses even in the Rancangan Perumahan Murah.

The Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan of both Pulau Pinang as well as Seberang Perai should not consider themselves as purely servicing bodies but should also venture into housing schemes like the City Council of Georgetown of the past. By doing this, they would, to some extent, help to supplement the housing needs of the people of Penang and also take off some load from the State Government and the P.D.C.

The private sector, at the moment, is doing well and is providing houses for the middle and the higher income group of people and I hope they would keep it up and at the same time help, wherever possible, the Government in the implementation of the Rancangan Perumahan Murah.

Tuan Speaker, I think, at this juncture, I would like to point out that with Bahasa Malaysia as our official language, the other languages such as English, Chinese and Tamil have been used in the past by the Government and its agencies purely for the sake of better communication with people when the need arose. Lately, I have noticed a trend by the Government agencies, maybe by negligence and not on purpose, of publicising only in

Bahasa Malaysia, English and Chinese. When new buses were introduced by the L.P.K.T., Pulau Pinang, no Tamil wordings were used on the buses; and when this was pointed out the English and Chinese wordings were erased. In connection with the opening of Kompleks Tun Abdul Razak, wall posters have been exhibited with wordings in Bahasa Malaysia, English and Chinese. Tamil wordings have been omitted. Presumably, these wall posters have been prepared by the P.D.C. I strongly feel that either all the four languages should be used by the Government, its agencies and Statutory Bodies on any particular occasion when the need arises, or, only Bahasa Malaysia as the sole official language should be used. I would call upon the State Government to send directives to all concerned that when it is intended to use other languages besides Bahasa Malaysia, then all the other languages, namely, English, Chinese and Tamil should be used.

Tuan Speaker, I note that \$7,500,000 have been provided for under the heading, 'Pengambilan Tanah' for the years 1976—1980. Since State-owned lands are scarce in our State, acquisition of lands has become an essential need for development. Hence, I would like the Kerajaan Negeri to exercise caution and, wherever possible, not to acquire land which is small-sized and belong to the poor people. I would also like to urge the State Government not to gazette lands under the Acquisition Act unless they want to acquire the lands in the near future.

Tuan Speaker, provision has been made to the sum of \$2 million for use in 1976—1980 under the heading "Kerja-kerja Menambah Tanah". As has been expressed earlier on in this House (yesterday), providing of red earth to patch holes and damages in the kampung roads is only a short-term servicing. With the rain, the red earth is washed away thus resulting in holes and damages. The only permanent solution would be to tar these roads and I hope that there will be some re-thinking on this and that a

large portion of the estimated sum provided would be spent on permanent repair to the roads; and if necessary a further sum should be provided under this Head in the Supplementary Development Budget later on.

I am happy to note that a provision has been made for the "Jambatan Seberang Perai/Pulau Pinang". This is a project we have promised the people of Penang and I am sure no one can now mistake our genuine intentions in the implementation of the project. The bridge, when completed, is bound to generate greater trade between the State of Penang and other states in Peninsular Malaysia.

With that, Tuan Speaker, I fully support this Motion.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed): Datuk Speaker, izinkan saya mengambil bahagian di dalam ucapan Anggaran Pembangunan, 1977 ini.

Tuan Speaker, kita sungguh gembira pada hari ini dan memberi sokongan penuh di atas peruntukan yang telah disediakan bagi rancangan pembangunan tahun 1977. Saya yakin penuh bahawa dengan peruntukan ini pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan berupaya untuk menyampaikan hasrat rakyat di Negeri Pulau Pinang. Tetapi kalau kita kaji dengan sedalam-dalamnya, pembangunan adalah besar maknanya kepada Kerajaan dan rakyat di Negeri Pulau Pinang, dan saya rasa bukan sahaja hampir \$40,000,000 yang diuntukkan ini, bahkan kalau peruntukan \$100,000,000 pun saya rasa peruntukan pembangunan tidak mencukupi. Saya yakin kita akan dapat menyediakan peruntukan yang lebih pada masa yang akan datang.

Datuk Speaker, kita bercakap di dalam segi pembangunan ini maka terpaksalah kita menanggung berbagai-bagai aspek bagi kita menyelesaikannya, terutama sekali di dalam Negeri Pulau Pinang ini. Apa yang saya sarankan di dalam Dewan ini kita melancarkan rancangan pembangunan di Negeri Pulau Pinang ini, saya suka mengajak Kerajaan supaya meman-

dang di antara bandar dan di luar bandar. Pembangunan yang kita bangukan di dalam bandar hendaklah seimbang dengan keperluan penduduk-penduduk di luar bandar. Apa yang menjadi rungutan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang ini ialah bahawa Kerajaan kita membangunkan bandar lebih daripada membangunkan kawasan-kawasan luarbandar di bidang perumahan, di bidang pembahagian rezeki dan sebagainya. Jadi dengan ini saya menyeru kepada pihak Kerajaan, semasa melancar atau merancang rancangan pembangunan ini hendaklah memikirkan bahawa rancangan pembangunan ini patutlah disarankan di luar bandar supaya penduduk luarbandar pula dapat menikmati pembangunan Negeri Pulau Pinang ini khasnya.

Datuk Speaker, penduduk-penduduk luarbandar berkehendakkan supaya Kerajaan melancarkan rancangan ekonomi supaya dapat mereka menambahkan pendapatan dan manakala pendapatan berlebihan maka mereka dapat mengikuti rancangan-rancangan yang telah disalurkan sebagai kemudahan-kemudahan untuk rakyat khasnya di luar bandar.

Datuk Speaker, saya berasa penuh yakin dengan apa yang saya katakan tadi bahawa pihak Kerajaan kita hendaklah memandang berat berkenaan dengan ekonomi dan pembangunan desa walaupun berkali-kali pihak Kerajaan menyatakan rancangan pembangunan desa akan dilancarkan tetapi mereka ini hanya menunggu apakah yang akan dilancarkan. Saya suka menarik perhatian Kerajaan kita supaya pihak Kerajaan mengadakan dan memberi pertolongan kepada petani-petani supaya mereka dapat memperbaiki pendapatan mereka dari satu masa ke satu masa. Pada hari ini petani-petani di luar bandar hanya bekerja dengan titik peluh mereka tapi hasil pendapatan mereka berkurangan disebabkan berbagai-bagai perkara.

Sebagaimana yang saya katakan kelmarin, bahaya-bahaya dari tikus dan sebagainya mengancam perusahaan-

perusahaan mereka ini. Sebabnya perkara-perkara ini berlaku ialah mereka mengerjakan sawah dengan tidak sama. Jadi dengan jalan ini pihak musuh tanaman—musuh-musuh padi khususnya—mengancam tanaman-tanaman mereka. Jadi dengan ini saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Kerajaan mengadakan satu peruntukan wang pusingan bagi menolong petani-petani membeli jentera-jentera membajak yang kecil bagi membajak sawah-sawah mereka. Saya yakin penuh kalau Kerajaan memberikan jentera-jentera kecil ini pada tiap-tiap kumpulan 70 ekar tanah mereka, saya yakin mereka akan dapat mengerjakan tanah-tanah mereka dengan lebih cepat dan lebih sempurna dan dapat disamakan waktu menurun bekerja dan waktu menanam dan juga waktu mengambil hasilnya nanti. Jadi kalau pada masa ini kita tahu bahawa Persatuan Peladang menyediakan jentera, tapi saya yakin tidak dapat meliputi kesemuanya kerana Persatuan Peladang ini memberi peluang kepada ahli-ahlinya sahaja, bahkan banyak orang-orang yang tidak menjadi ahli oleh sebab mengerjakan sawah yang sedikit, iaitu serelong, setengah relong dan sebagainya. Jadi saya yakin penuh dalam peruntukan pembangunan ini, kalau diadakan wang pusingan untuk pinjaman kepada petani-petani ini, mereka akan dapat mengerjakan sawah mereka dengan lebih cepat dan lebih sempurna lagi.

Datuk Speaker, yang ketiga, di dalam Negeri Pulau Pinang ini, kita telah melancarkan rancangan ternakan dan pihak Kerajaan memberi subsidi dan pertolongan seperti memelihara babi, itik, ayam, lembu dan sebagainya. Saya rasa pihak Jabatan Haiwan tidak akan dapat menjalankan rancangan-rancangan ternakan kerbau/lembu secara besar-besaran kerana kita tidak mempunyai kawasan-kawasan yang tertentu atau kawasan-kawasan yang luas. Saya yakin penuh bahawa kalau kita adakan rancangan ternakan babi secara besar-besaran di dalam Negeri Pulau Pinang, hanya 50 peratus atau 70 peratus sahaja orang-orang yang makan

babi; kalau kita adakan rancangan ternakan lembu saya rasa sebahagian juga rakyat Negeri Pulau Pinang yang dapat memakannya. Tapi, saya rasa jika Kerajaan membesarkan rancangan ternakan ayam, rakyat Negeri Pulau Pinang keseluruhannya daripada kecil sehingga besar boleh makan ayam. Jadi patutlah pihak Kerajaan menitikberatkan di dalam bidang ternakan ayam ini dan saya suka menggesa pihak Kerajaan supaya mengadakan satu peruntukan yang besar kerana perusahaan ternakan ayam ini boleh digunakan tiap-tiap inci di sekeliling rumah. Ternakan ayam boleh diusahakan oleh wanita-wanita, ternakan ayam ini boleh diusahakan oleh bapa-bapa kita yang tua yang tidak dapat mencari makan atau mencari rezeki di luar kawasan rumah. Jadi saya rasa pihak Kerajaan atau pihak Jabatan Haiwan patutlah mengadakan pusat membiak anak-anak ayam dan anak-anak ayam ini kemudian dijual dengan secara subsidi kepada orangramai. Orangramai akan dapat memelihara ayam dan saya yakin penuh bahawa jika tiap-tiap kepala atau tiap-tiap orang memelihara seratus ekor ayam seorang, kita di Negeri Pulau Pinang dapat mengekspot isi-isi ayam ke luar kawasan atau ke luar Negeri kita, Pulau Pinang. Jadi dengan sebab itulah saya rasa ini satu rancangan ekonomi yang boleh kita bawa ke luar bandar. Kalau dalam bandar kita boleh menyediakan perumahan dan sebagainya yang dapat dinikmati oleh orang-orang dalam bandar, kita boleh menyediakan tempat-tempat perniagaan untuk orang-orang luarbandar bagi menjalankan perniagaan mereka. Untuk kita menolong memberi pendapatan yang lebih kepada orang-orang luarbandar, masalah-masalah ini patut kita pertimbangkan.

Datuk Speaker, menarik pula kepada rancangan-rancangan sosial di luar bandar, iaitu berkenaan dengan perbekalan paip air dan api sebagaimana yang telah disarankan oleh sahabat-sahabat saya tadi daripada Penaga dan lain-lainnya, saya yakin penuh pihak Kerajaan akan dapat melaksanakan rancangan-rancangan ini terutama sekali rancangan-rancangan

yang telah pun diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Hari ini rakyat menadah tangan tertanya-tanya bilakah kemudahan-kemudahan asas ini akan dilancarkan di kawasan luar-bandar. Pihak kita sebagai wakil yang mewakili rakyat sentiasa ditanya, sentiasa disoal bilakah projek-projek ini hendak dijalankan. Contohnya, Datuk Speaker, saya suka mensarankan di dalam Dewan ini bahawa perbekalan letrik yang telah diluluskan di kawasan saya, iaitu di kawasan Penanti—iaitu sebanyak enam buah kampung—tapi hari ini mereka hanya dapat menengok peket L.L.N. sahaja, itu pun atas desakan-desakan saya sendiri supaya ditunjukkan apa satu yang boleh menyakinkan mereka bahawa pemasangan api-api ini akan dijalankan. Datuk Speaker, kampung-kampung yang terlibat yang saya katakan ini ialah Kampung Nerang Telok Wang, Kampung Bukit Langkat, Kampung Bukit Gumpat, Kampung Kubang Ulu, Kampung Kubang Semang—Mukim 20 dan Mukim 5, dan Kampung Tanah Liat—Mukim 8 dan Mukim 9. Semua projek-projek ini diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kedua, dan saya yakin peruntukan telah pun disediakan tetapi mereka ini hanya menunggu dan saya memohon melalui Dewan ini bahawa selewat-lewatnya di dalam tahun 1977 ini patutlah diselesaikan.

Datuk Speaker, satu perkara yang menjadi tandatanya di dalam kawasan pilihan saya ialah bersabit dengan satu kawasan yang dalam di dalam Mukim 3, kawasan Bukit Mertajam iaitu kawasan tanah Paya Achung. Kawasan tanah Paya Achung ini pada satu masa dahulu sebanyak 50 ekar yang tidak dapat ditanam padi. Kemudian bilamana rancangan perairan Sungai Kulim dilancarkan, maka tempat ini bertambah dalam. Bukan sahaja kawasan 50 ekar itu yang telah menjadi dalam bahkan kawasan sekelilingnya telah pun menjadi lumpur pada masa ini kerana air tidak dapat dikeluarkan daripada kawasan Paya Achung ini. Hari ini telah bertambah lagi 50 ekar dan kawasan ini hampir-hampir kesemuanya akan ditinggalkan oleh petani kerana mereka tidak dapat mengerjakannya. Jadi dalam Mesyuarat Tin-

dakan Daerah Bukit Mertajam, pihak Jabatan Parit dan Taliair telah mengadakan satu anggaran belanjawan bagi mengatasi masalah ini. Saya kurang ingat, tetapi mungkin lebihkurang \$140,000 bagi mengadakan saluran air bagi mengalirkan air di kawasan Paya Achung ini; dengan adanya saluran, tanah-tanah yang pada masa dahulu 50 ekar dan sekarang menjadi 60 ekar akan dapat dikeringkan dan dapat dikerjakan untuk persawahan.

Datuk Speaker, tengah 200 ekar adalah satu kawasan yang besar kalau dipergunakan untuk mendapat hasil yang baik. Tetapi manakala tidak dapat dipergunakan saya rasa Kerajaan sendiri pun akan menanggung kerugian di atas tanah yang boleh menghasilkan makanan untuk rakyat bukan sahaja untuk kawasan Mukim 3 dan kawasan Bukit Mertajam, tetapi di seluruh Negeri Pulau Pinang. Jadi melalui Dewan ini saya rasa patutlah pihak Kerajaan meluluskan anggaran yang telah dibuat oleh Jabatan Parit dan Taliair—mungkin telah dikemukakan dan mungkin belum dikemukakan dan saya harap kalau Jabatan Parit dan Taliair telah kemukakan patutlah Kerajaan memberi keutamaan kepada projek ini.

Selanjutnya, Datuk Speaker, saya suka jugalah menarik perhatian Dewan ini iaitu dalam rancangan pembangunan kita pihak Kerajaan patutlah memberi perhatian penuh di dalam bidang pemecahan tanah yang telah berluasan berlakunya di Negeri Pulau Pinang, misalnya, ada tanah-tanah yang dipecahkan 10 ekar, 15 ekar, dan juga yang berpuluh-puluh ekar. Tanah-tanah ini dipecahkan dengan tidak rasmi dan dijualkan kepada orang-orang yang tidak mengetahui samada tanah ini telah disahkan oleh Kerajaan untuk pemecahan. Apa yang difahamkan kepada saya bahawa tanah-tanah ini telah dipecahkan dan telah dijualkan kepada penghuni-penghuni tetapi penghuni-penghuni telah membeli tanah ini dengan tidak mendapat *grant* dan tanah ini tidak dipecahkan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu. Saya difahamkan juga bahawa pihak tuan tanah itu setelah mendapat duit penjualan telah mengadaikan pula kepada

bank-bank untuk mendapatkan wang untuk membeli tanah yang lain untuk dipecahkan pula. Ini adalah satu kerja yang menindas orang-orang yang lain, terutama sekali orang-orang yang tidak tahu peraturan dan undang-undang. Ini adalah satu perkara yang mengecewakan dan saya harap di dalam rancangan pembangunan kita ini, pihak Kerajaan akan mengawasi sedikit-sedikit penjualan tanah dan pemecahan dan menggunakan tanah itu pula untuk faedah mereka mendapatkan wang dan menjalankan perniagaan mereka.

Begitu juga saya suka menarik perhatian Dewan ini dan juga pihak Kerajaan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya yakin penuh bukan sahaja di dalam jangka masa 10 tahun pihak Kerajaan hendak mengadakan rancangan pembangunan, akan berjalan terus walaupun kita sudah tidak ada di dalam Dewan ini dan generasi yang akan datang akan mengambil tempat kita dan mereka akan merancang dari satu masa ke satu masa dalam rancangan pembangunan di Pulau Pinang, khasnya di Malaysia. Jadi di dalam Negeri Pulau Pinang ini kita rasa pihak Kerajaan ada mempunyai tanah tidak lebih daripada 30,000 ekar yang boleh dimajukan lebih-kurang dalam masa 10 tahun. Jadi selepas itu pihak Kerajaan tidak mempunyai tanah yang lain lagi.

Saya suka menarik perhatian Dewan ini supaya pihak Kerajaan menyekat pemecahan-pemecahan tanah terutama sekali estet-estet kecil yang ada di dalam Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai kerana pemecahan tanah ini yang terutama sekali merugikan pihak Kerajaan dan juga menindas pekerja-pekerja yang telah mencari rezeki di dalam estet-estet kecil yang ada di dalam Negeri Pulau Pinang kerana, Datuk Speaker, di dalam sebuah estet yang 100 atau 200 ekar tentulah mempunyai pekerja-pekerja yang banyak. Jadi bila tanah ini dipecah dan dikecil-kecilkan. Maka pekerja-pekerja ini akan terlibat dan kehilangan pekerjaan; dan kemanakah mereka ini akan pergi untuk mendapatkan rezeki dan untuk mendapat

pekerjaan. Jadi di sini bukanlah kita hendak memberi peluang bekerja tetapi hendak memberi dan menambahkan lagi pengangguran di kalangan pekerja-pekerja kita.

Sebagai contoh, Datuk Speaker, di Estet Bukit Langkat yang luasnya lebih-kurang 630 ekar yang telah bertahun-tahun menjadi estet dan pada hari ini pekerja-pekerja di dalam estet itu sebanyak 100 keluarga yang mempunyai anak-isteri tidak kurang daripada 400 orang mendapat rezeki daripada estet itu; tetapi hari ini bilamana estet itu dijual kepada satu syarikat yang besar dan syarikat ini telah menjual secara kecil-kecil, pekerja-pekerja itu talahpun merayu kepada pihak Kerajaan melalui Pejabat Daerah dan juga wakil-wakil rakyat. Sampai setakat ini rayuan-rayuan mereka itu tidak ada kedengaran apakah tindakan yang telah diambil dan tanah-tanah itu sekarang sedang dijual dan hampir habis dan saya yakin bilamana pemindahan kuasa selesai tanah ini akan dikecil-kecilkan. Maka pekerja-pekerja ini akan menjadi penganggur dan tidak akan dapat bekerja serta hilang mata pencarian dan rezeki mereka. Apakah akan jadi kepada anak-pinak dan keluarga yang saya katakan tadi sebanyak 400 orang itu dan di manakah mereka akan pergi. Jadi saya suka menarik perhatian Kerajaan supaya mencari jalan bagaimana hendak mengatasi masalah-masalah pekerja daripada estet ini dan bagaimanakah sepatutnya kehendak-kehendak pekerja-pekerja ini Kerajaan patut menimbang dan kalau dapat, pihak Kerajaan patut menyekat daripada pemecahan dan penjualan secara kecil-kecil estet ini.

Datuk Speaker, saya rasa ada banyak perkara-perkara lagi yang patut kita fikirkan untuk mencari jalan bagaimanakah rancangan pembangunan ini dapat memainkan peranan yang penting untuk memberi peluang yang banyak kepada penduduk-penduduk luarbandar mengambil bahagian di dalam rancangan ekonomi khasnya pada tahun 1977 dan seterusnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya pohon kepada Kerajaan supaya

memikirkan dan mengadakan rancangan-rancangan dan lain-lain peluang bagi rakyat luarbandar khususnya Bumiputra untuk mengambil bahagian dalam bidang ekonomi Negeri Pulau Pinang ini.

Itulah sahaja, saya dengan sepenuh hati menyokong peruntukan hampir \$40 juta bagi tahun 1977 ini.

Datuk Speaker, saya mengucapkan terimakasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Tuan Speaker saya ingin menyokong Anggaran Pembangunan bagi tahun 1977 dan di sini juga saya ingin mengambil bahagian di dalam Dewan ini.

Tuan Speaker, anggaran buat Negeri dan perkhidmatan untuk "Kerja Raya" bagi tahun 1977 ialah \$1,717,740. Tuan Speaker, kerap kali setelah berlaku kemalangan jalanraya buat sekian lama baharulah diteliti cara-cara untuk mencegahnya. Tetapi adalah lebih praktik jika dapat Kerajaan mengkaji dari segi keselamatan jalanraya di sesuatu tempat yang sedang dirancang pembangunannya untuk mengelakkan kemalangan jalanraya.

Di sini suka saya menarik perhatian Kerajaan Negeri tentang pembinaan Kompleks Bangunan Kerajaan di Jawi, Sungai Bakap, yang mana akan menjadi suatu kawasan sesak di masa akan datang. Adalah mustahak bagi Kerajaan merancang pembinaan sebatang jalan khas untuk basikal di sepanjang jalan besar antara Nibong Tebal hingga ke Sungai Bakap yang melibati lebih kurang 4 batu.

Saya mendapat tahu, peniaga-peniaga yang terlibat tidak dapat tempat sebagai ganti sementara menunggu projek yang diperuntukkan kepada mereka. Sehingga sekian masa, di manakah saluran-saluran yang dapat dijadikan sumber hidup mereka? Dalam masalah ini bukan sahaja peniaga-peniaga tersebut yang terlibat, tetapi perlu juga difikir tentang pekerja-pekerja yang bekerja dengan peniaga-peniaga tersebut.

Kita semua tahu Penang Road ialah pusat membeli-belah yang baik dari segi perniagaan dan peniaga-peniaga

yang terlibat dengan pembinaan KOM-TAR telah lama berniaga di situ. Dengan adanya projek tersebut, maka kesan-kesan keistimewaan tersebut telah hilang dan ini perlulah dipertimbangkan dengan serius oleh Kerajaan Negeri. Saya syurkan supaya bayaran pampasan bukan sahaja diberi kepada tuan-tuan empunya kedai atau bangunan yang terlibat tetapi hendaklah juga diberi kepada peniaga-peniaga yang turut sama terlibat sebagai bayaran saguhati atas beberapa kesan yang telah saya sebutkan di atas tadi.

Sekianlah, terima kasih, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Tuan Speaker, saya ingin menyokong Anggaran Pembangunan ini. Anggaran Pembangunan ini pada pendapat saya dapat diterima oleh ke semua rakan-rakan saya kerana sebagaimana kita tahu dalam sesuatu itu kita tidak boleh mendapat seratus-peratus tetapi haruslah kita dapat tujuh puluh atau lapan puluh peratus.

Dalam Anggaran Pembangunan ini, saya suka menarik perhatian sedikit di atas beberapa perkara. Boleh jadi perkara ini telahpun dibincangkan *estimate*-nya tetapi hanya kelewatan perlaksanaannya. Saya suka membangkitkan di sini mengenai perkara banjir yang berlaku di Kampong Pertama. Pada tahun ini banjir telah berlaku lebih-kurang lima kali di situ menyebabkan kesusahan kepada orang-orang kampung itu dan menyebabkan ternakan dan sebagainya kerugian. Saya difahamkan bahawa projek itu telahpun diluluskan tetapi perlaksanaannya itulah yang saya harapkan supaya dapat disegerakan.

Selain daripada itu ialah apa yang saya tahu, peruntukan untuk pondok talipon di luar bandar bagi Seberang Perai atau Pulau Pinang hanya empat sahaja tiap-tiap tahun. Saya tidak faham samada untuk seluruh Negeri Pulau Pinang ataupun Seberang Perai. Jadi permintaan untuk mendapat pondok talipon ini sangatlah banyak kerana kampung-kampung di luar bandar kebanyakannya terpencil dan ada-

lah untuk orang-orang kampung menghubungi hospital semasa kecemasan dan sebagainya. Jadi adalah sangat perlu atau sangat mustahak bagi kampung-kampung di luar bandar ini mendapat pondok talipon di antara beberapa kawasan yang luas sekurang-kurangnya satu pondok talipon. Apa yang saya tahu, di sebelah utara masih kekurangan pondok talipon. Jadi saya haraplah peruntukan hendaklah ditambah sekiranya benar peruntukan itu empat pondok talipon sahaja, di masa depan ditambah supaya dapat kita melayankan kehendak orang-orang ramai dan mengurangkan sungutan dari mereka. Pada tahun lalu saya percaya hanya satu sahaja pondok talipon diadakan di Seberang Perai Utara.

Datuk Speaker, selain daripada itu ialah, saya nampak dengan adanya tempat simpan bas di Jalan Bagan Luar itu menjadi gangguan kepada lalu-lintas kerana di situ ada dua tempat simpan bas yang besar. Jadi saya menarik perhatian Kerajaan bahawa patutlah tempat simpan bas itu diadakan di kawasan lain daripada jalan besar iaitu di belakang-belakang misalnya. Di situ saya nampak selalu kereta-kereta yang laju ataupun yang kurang laju terganggu, sedangkan jalan itu sangat sibuk daripada simpang Telaga Air sampai ke Feri. Jadi, kalau boleh, saya menarik perhatian pihak Kerajaan bahawa tempat simpan bas itu sangatlah tidak layak dan tidak sesuai lagi di tempat itu.

Selain daripada itu, saya suka menarik perhatian di sini, Datuk Speaker, berkenaan dengan Jabatan Hakmilik Tanah. Banyak sungutan telah saya dapat bahawa perkara memindah milik mengambil masa yang panjang—dan ada di antaranya beberapa tahun—tidak boleh diselesaikan. Saya percaya peruntukan telah pun diadakan untuk menambahkan pegawai-pegawainya, tetapi dalam keadaan perjalanan pejabat ini belumlah kita rasa memuaskan hati kerana sungutan orang sangatlah banyak. Saya timbulkan perkara ini juga disebabkan bagaimanakah Jabatan ini akan menghadapi penukaran gran yang akan ha-

bis tempohnya pada tahun 1977 sedangkan urusan pindah milik sangat sibuk dan belum dapat diselesaikan.

Itulah sahaja, Datuk Speaker, yang saya bangkitkan dalam Majlis ini yang tidak disebutkan oleh saudara-saudara Yang Berhormat tadi dan saya percaya apa yang ditimbulkan oleh saudara-saudara saya tadi adalah sebagai sungutan yang sama di atas perkara-perkara yang harus mendapat perhatian Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.55 tengahari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.33 petang.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por): Datuk Speaker, saya suka mengambil bahagian berucap di dalam bahasan berkenaan dengan Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR).

Tuan Speaker, pelaksanaan Kompleks Tun Abdul Razak telah dibahagikan kepada lima peringkat, iaitu Peringkat I hingga V. Tetapi untuk melicinkan pelaksanaan dan memudahkan pentadbiran, keseluruhan projek ini telah dibahagikan seterusnya kepada peringkat-peringkat kecil atau sub-phases, iaitu Peringkat 1-A, 1-B, 1-C (i), 1-C (ii) dan 1-D.

Peringkat 1-A telah pun dibuka untuk perniagaan pada 1hb Disember, 1976, dan sejumlah 72 yunit perniagaan yang menjual berbagai-bagai barang seperti hasil-hasil pertukangan barang-barang emas, textiles, perhiasan rumah, agensi-agensi pelancungan, beg, jam, kacamata dan sebagainya telah pun mula berniaga di Peringkat 1-A.

Dengan pelaksanaan keseluruhan projek, sejumlah 187 yunit perniagaan, 540 keluarga dan 207 gerai-gerai akan terlibat.

Harta-harta yang terlibat oleh projek ini telah pun diambil oleh Kerajaan Negeri dan harta-harta ini boleh dibahagikan kepada dua kategori:

(a) Rumah dan tanah yang masih didiami oleh penghuni; dan

(b) Rumah dan tanah yang tidak didiami lagi oleh penghuni.

Semua rumah dan tanah yang masih mempunyai penghuni-penghuni telah diberi harga penilaian yang lebih tinggi sedikit jika dibandingkan dengan rumah dan kawasan yang diambil tanpa penghuni-penghuni. Alasan bagi perbezaan bayaran gantirugi yang diberi ialah kerana rumah-rumah dan tanah yang tidak mempunyai penghuni-penghuni akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri tanpa apa-apa halangan iaitu adalah menjadi tanggungjawab pemilik-pemilik tanah untuk mengusir penyewa atau penyewa-penyewa kecil selepas mereka menerima bayaran gantirugi. Oleh itu, Kerajaan Negeri tidak lagi bertanggungjawab dalam apa cara pun untuk menyediakan tempat-tempat gantian kepada penyewa-penyewa atau penyewa-penyewa kecil yang terlibat dalam kes rumah dan tanah yang diambil tanpa penghuni-penghuni. Kerajaan Negeri tidak akan menerima apa-apa tanggungjawab untuk menempatkan mereka-mereka yang terlibat kerana pemilik-pemilik yang berkenaan telah menerima bayaran gantirugi yang lebih banyak dengan syarat mereka menanggung tanggungjawab mereka sendiri. Bagi rumah dan tanah yang masih didiami oleh penghuni, Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk mencari tempat gantian untuk menempatkan mereka-mereka yang terlibat. Oleh yang demikian, orang-orang ini hanya diminta atau dikehendaki mengosongkan rumah mereka selepas sahaja tapak-tapak gantian diperolehi atau disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi mereka.

Datuk Speaker, adalah benar untuk menyatakan bahawa dalam apa bentuk pembangunan bandar, tidak kira besar kecilnya, akan melibatkan sebilangan orang samada secara langsung atau secara tidak langsung. Tetapi kita haruslah memandangkannya dari segi-segi menafaat dan faedah yang dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk pada keseluruhannya dalam jangka masa panjang. Projek sedemikian akan memberi faedah kepada sebilangan majoriti penduduk di dalam

Negeri. Jika penduduk-penduduk inginkan pembangunan dan kemajuan, mereka harus juga mempelajari supaya cuba mengatasi masalah yang sudah tentu akan ujud akibat proses pembangunan. Untuk mengurangkan masalah-masalah yang mungkin berbangkit, Kerajaan telah bersetuju untuk membenarkan penduduk-penduduk yang mendiami di kawasan itu terus mencari nafkah hidup dan pekerjaan di tempat yang sama sehingga suatu masa Kerajaan memerlukan ruang tempat itu. Akan tetapi ini adalah dengan syarat mereka mendaftarkan diri sebagai penyewa-penyewa Kerajaan secara langsung dengan menandatangani perjanjian sewa dengan Kerajaan. Satu Jawatankuasa Khas telah pun ditubuhkan di bawah saya untuk menyelidiki, menimbangkan dan melaksanakan mana-mana rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesusahan yang dihadapi oleh mereka-mereka yang terlibat. Adalah diharapkan semoga penduduk-penduduk yang terlibat oleh projek Kompleks Tun Abdul Razak akan berkerjasama dengan serapat-rapatnya dengan Kerajaan dan dengan itu membangkitkan masalah-masalah mereka terus kepada Jawatankuasa tersebut yang dipengerusikan oleh saya.

Datuk Speaker, patutlah dijadikan satu kenyataan bagi semua orang yang berkenaan bahawa masalah-masalah hanya boleh diatasi berasaskan merit-merit seseorang bagi kes-kes tertentu. Kerajaan berharap mereka-mereka yang terlibat dan yang ingin terus mendiami di tempat yang sama sehingga dikehendaki oleh Kerajaan supaya mendaftarkan diri sebagai penyewa-penyewa Kerajaan Negeri secara langsung, kalau tidak, mereka tidak mempunyai kedudukan "locus standi" dan mereka akan disifatkan sebagai setingan-setingan haram di atas tanah Kerajaan.

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebagai agensi Negeri bagi pembangunan keseluruhan Projek, telah menimbang dengan cukup teliti tentang peringkat-peringkat seluruh projek supaya projek ini dapat dilak-

sanakan mengikut jadual dan juga untuk menentukan gangguan yang minima bagi mereka-mereka yang terlibat. Kerajaan Negeri dan juga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang selama ini selalu memberi perhatian yang sewajarnya dan bersimpati dengan mereka-mereka yang terlibat oleh projek ini. Saya memberi keyakinan kepada tuan-tuan bahawa Kerajaan Negeri akan mengambil semua langkah yang perlu untuk menentukan gangguan dan kesusahan yang paling minima kepada mereka-mereka yang terlibat.

Untuk mengurangkan kesulitan dan sebarang kesusahan yang mungkin dihadapi oleh mereka-mereka yang terlibat, Kerajaan Negeri telah memutuskan tidak akan mengambil milik semua rumah dan tanah yang akan diambil bagi tujuan perlaksanaan projek dengan segera. Oleh kerana pembangunan projek akan dijalankan mengikut peringkat, Kerajaan Negeri hanya akan mengambil milik rumah-rumah dan tanah-tanah apabila Kerajaan berkehendakkan untuk menggunakan ruang kawasan itu. Oleh yang demikian, mereka-mereka yang terlibat oleh projek akan dibenarkan untuk terus mendiami rumah-rumah mereka sehingga ianya dikehendaki untuk pembangunan projek. Akan tetapi, penghuni-penghuni rumah-rumah ini dikehendaki menandatangani Perjanjian Sewa dengan Kerajaan Negeri untuk mengesahkan pendudukan mereka di rumah-rumah tersebut. Kerajaan Negeri juga telah memutuskan bahawa secara langkah permulaan, bekas-bekas penyewa hendaklah terus membayar kepada Kerajaan Negeri kadar sewa bulanan yang sama dengan kadar yang dibayar oleh mereka dahulu kepada pemilik-pemilik tanah mereka.

Berkaitan dengan semua rumah dan tanah yang tidak diperlukan dengan sertamerta untuk pembangunan, tempoh yang diuntukkan di dalam Perjanjian Sewa bagi semua penyewa dari Peringkat II hingga V adalah selama satu tahun. Akan tetapi, jika mana-mana rumah dan tanah dikehendaki dengan sertamerta untuk tujuan-tujuan pembangunan, penyewa-penyewa ter-

paksa keluar. Untuk mengurangkan kesusahan-kesusahan mereka yang terlibat oleh projek seterusnya, Kerajaan juga telah memutuskan untuk membayar gantirugi kepada semua orang yang terlibat dengan membayar jumlah sewa selama dua tahun bagi penyewa-penyewa dan sewa selama empat tahun kepada penyewa-penyewa perniagaan. Bagaimanapun, berkenaan dengan penyewa-penyewa yang terlibat oleh Peringkat 1-D, tempoh penyewaan hanya untuk tempoh enam bulan mulai dari 1hb September, tahun 1976, kerana rumah-rumah dan tanah-tanah ini hanya dikehendaki untuk melaksanakan projek pada tahun 1977. Penyewa-penyewa yang mana rumah-rumah mereka terlibat oleh Peringkat 1-C (i) dan 1-C (ii) dikehendaki keluar dengan segera untuk membolehkan kerja-kerja perobohan dijalankan bagi perlaksanaan Peringkat 1-C (i) dan 1-C (ii).

Datuk Speaker, di samping membayar gantirugi kepada semua orang yang terlibat oleh projek ini, buat masa ini, Kerajaan Negeri juga sedang mencari tapak-tapak gantian yang sesuai bagi menempatkan mereka. Kerajaan Negeri juga telah mendapati beberapa kawasan tertentu yang boleh digunakan untuk menempatkan semula keluarga-keluarga dan yunit-yunit perniagaan yang terlibat oleh projek. Akan tetapi, sebagaimana dalam mana-mana projek penempatan semula, sebelum kerja-kerja dimulakan, adalah perlu untuk menjalankan satu kajian *comprehensif* atas kawasan yang ditetapkan dari segi berbagai-bagai aspek seperti keadaan tanah, perancangan dan pelan tata-letak serta kewangan yang akan terlibat. Mereka-mereka yang terlibat harus juga menanggung beban bersama Kerajaan Negeri untuk mengatasi apa juga kesusahan yang dihadapi. Tetapi bagi Kerajaan Negeri, seperti yang disebutkan tadi, ianya akan mengambil sebarang langkah yang perlu untuk mencari tapak-tapak gantian yang sesuai bagi mereka.

Datuk Speaker, selain daripada mencari tapak-tapak gantian untuk menempatkan semula mereka-mereka yang terlibat oleh projek, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang juga telah ber-

setuju akan memberi keutamaan-keutamaan khas bagi mereka-mereka ini dalam hal peruntukan ruangan perdagangan di dalam projek, dengan syarat mereka dapat memenuhi corak penggunaan pada keseluruhannya (overall utilisation pattern). Di sini saya juga ingin menegaskan bahawa walaupun tempahan untuk ruangan di Peringkat 1-A telah dimulakan pada 1hb Ogos hingga 20hb Ogos tahun 1976, namun Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah melanjutkan tarikh sehingga dua minggu lagi bagi mereka-mereka yang terlibat dan juga kaum Bumiputra. Walaupun layanan khas sedemikian telah diberi, akan tetapi adalah sungguh dukacita untuk mengetahui bahawa hanya lima orang sahaja telah merebut peluang ini. Maka, mereka-mereka yang terlibat yang enggan tampil ke hadapan dan tidak memohon untuk ruangan di Peringkat 1-A tidaklah boleh menyalahkan sesiapa, malah mereka sendiri. Kerajaan Negeri atau Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak boleh dituduh bertanggungjawab atas mereka-mereka yang tidak memberi sambutan terhadap berbagai keutamaan dan dayautama yang diberikan kepada mereka.

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah juga bersetuju untuk menawarkan kadar-kadar sewa khas bagi mereka-mereka yang terlibat oleh projek. Sewa ini adalah berasaskan sewasewa subsidi yang lebih murah daripada sewasewa semasa ini (market rentals). Mereka ini boleh menandatangani satu Perjanjian Sewa untuk tempoh selama tiga tahun dan dengan satu alternatif untuk tempoh tiga tahun selanjutnya. Pegawai-pegawai Kerajaan dan juga pegawai-pegawai Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah banyak kali berjumpa dengan mereka-mereka yang terlibat oleh Peringkat 1-C (i) dan 1-C (ii) untuk menerangkan kepada mereka tentang perlaksanaan projek dan keperluan untuk mereka keluar demi pembangunan. Mereka-mereka telah dimaklumkan secara teliti semasa awal-awal lagi bahawa mereka dikehendaki keluar menjelang bulan Oktober, 1976. Jadi, mereka-mereka

yang terlibat telah pun diberi masa yang mencukupi dan notis yang awal supaya dapatlah mereka mencari tempat-tempat tinggal yang lain sementara itu.

Datuk Speaker, Kerajaan Negeri selalu mengamalkan sikap bersimpati terhadap mereka-mereka yang terlibat untuk mengurangkan sebarang kesusahan atau kesulitan yang mungkin dihadapi oleh mereka. Untuk menentukan supaya mereka tidak mengalami kerugian dalam perniagaan mereka, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menubuhkan kedai-kedai dan gerai-gerai penjaja sementara di sepanjang Jalan Brick Kiln bagi mereka-mereka yang terlibat oleh Peringkat 1-C (i) dan 1-C (ii) dan yang tidak membeli apa-apa yunit dalam Peringkat 1-A atau mereka-mereka yang masih belum mencari tapak-tapak gantian sendiri. Tapak-tapak tersebut akan dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan orang-orang yang terlibat akan diberi keutamaan untuk memiliki sesebuah yunit. Sekiranya mereka memutuskan tidak akan berpindah ke Jalan Brick Kiln, tidak bermakna bahawa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak akan membantu mereka membeli sesebuah yunit di Kompleks Tun Abdul Razak selepas sahaja peringkat-peringkat lain disiapkan. Sebenarnya Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah banyak kali memberi keyakinan kepada mereka-mereka bahawa mereka akan diberi keutamaan atas permohonan-permohonan mereka untuk ruangan di Kompleks Tun Abdul Razak. Kerja-kerja pembinaan gerai-gerai penjaja dan juga gerai-gerai sementara di jadualkan akan dimulakan tidak lama lagi dan adalah diharapkan bahawa orang-orang ini akan bersedia untuk berpindah ke tempat ini.

Begitu juga, Kerajaan Negeri telah memilih Lebuhraya Gat Macallum sebagai tapak yang boleh digunakan untuk pembinaan yunit-yunit perumahan dan perniagaan bagi mereka-mereka yang terlibat dalam Kompleks Tun Abdul Razak. Dalam pada ini, Kerajaan Negeri telah melantik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebagai agensi

yang bertanggungjawab di atas pembangunan Lebuhraya Macallum. Walaupun demikian, sebelum kerja dimulakan, satu kajian komprehensif patut diadakan, terutamanya berkenaan dengan keadaan tanah, perancangan dan pelan tata-letak kawasannya, cara 'piling' yang sesuai dan ekonomikal dan kewangan yang diperlukan. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah menyediakan satu laporan di atas Cadangan Pembangunan Komprehensif bagi kawasan itu dan laporan ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusannya. Kerajaan Negeri bercadang untuk memulakan pembangunan kawasan ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan mereka-mereka yang terlibat dalam Projek KOMTAR boleh ditempatkan semula di kawasan ini. Adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk menggalakkan bukan sahaja mereka-mereka yang terlibat oleh projek tetapi juga orang-orang lain untuk memulakan perniagaan di kawasan baru yang dicadangkan ini.

Di samping menyediakan tapak-tapak gantian di sepanjang Jalan Brick Kiln sebagai langkah sementara untuk mereka-mereka yang terlibat, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah juga memberi peransang kepada mereka-mereka yang terlibat supaya memindah ke "subcentre" baru di Bandar Bayan Baru. Bagi mereka-mereka yang memutuskan untuk berpindah ke Bandar Bayan Baru, mereka akan diberi keutamaan samada dalam pembelian yunit perniagaan atau yunit perumahan.

Datuk Speaker, maka secara ringkas, Kerajaan Negeri dan juga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah berusaha sedaya upaya untuk membantu mereka-mereka yang terlibat supaya mencari tapak-tapak gantian yang sesuai, samada di dalam Peringkat 1-A atau di "subcentre" di Bandar Bayan Baru. Mereka juga telah digalakkan untuk menyewa sesebuah yunit jika mereka tidak dapat membeli sesebuah yunit rumah dengan syarat-syarat khas agar dapatlah mereka terus menjalankan perniagaan mereka seperti biasa dengan gangguan

yang minima. Oleh itu, adalah sungguh-sungguh diharapkan bahawa penduduk-penduduk ini akan memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang supaya sebarang masalah yang dihadapi oleh mereka dapat diselesaikan secara damai. Mereka tidak harus berasa bimbang dan hendaklah bekerjasama penuh bahawa sebarang tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri hanya dapat dijalankan dengan jayanya dengan adanya kerjasama daripada penduduk-penduduk ini. Oleh yang demikian, mereka-mereka yang terlibat harus berasa senang untuk membincangkan masalah-masalah dan cadangan-cadangan mereka dengan Kerajaan Negeri atau Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan tidak bersikap tunggu dan membiarkan sahaja atau a "wait-and-see attitude".

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan menyokong Usul yang telah dibawa pagi tadi oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk meluluskan perbelanjaan sebanyak \$39,509,650 yang akan digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan tahun hadapan yang dibentangkan kelmarin di Dewan ini seperti Risalah No. 14, tahun 1976. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, Negeri Pulau Pinang telah diuntukkan sebanyak \$894,000 dan \$826,000 untuk Rancangan Malaysia Ketiga. Dan walaupun jumlah ini lebih-kurang separuh daripada jumlah yang diminta oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri berazam dan akan melaksanakan projek-projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga itu dengan sepenuhnya dan akan mencapai objektif-objektif atau pun tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga itu. Y.A.B. Ketua Menteri telah pun menyentuh dengan panjang lebar atas perkara perumahan di Negeri ini dan saya tidak akan menambah apa-apa lagi yang telah disentuh oleh beliau. Di sini cuma Datuk Speaker, saya berharap pihak

swasta akan memainkan peranan selaras dengan Negeri Pulau Pinang dan akan menghadkan tidak kurang dari 30 peratus rumah-rumah yang akan dibina khas untuk Bumiputra di Negeri ini supaya kita dapat mengujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama.

Dalam hubungan ini, Datuk Speaker, pihak sektor swasta mestilah turut bekerjasama untuk menambah peniaga-peniaga Bumiputra sebagai kontraktor sesuai dengan peranan masing-masing. Umpamanya pihak-pihak bank dapat memberikan pinjaman-pinjaman modal dengan syarat-syarat yang agak longgar, yang tidak terlalu mengikat kaum Bumiputra untuk perumahan.

Datuk Speaker, atas hal perniagaan dan perusahaan jihak kedua-dua Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan juga Seberang Perai hendaklah memainkan peranan yang bersungguh sehingga benar-benar mencapai maksud membantu dan juga menjayakan Bumiputra berkecimpung dalam bidang perniagaan dan perusahaan sepertimana yang dimaksudkan oleh Rancangan Ekonomi Baru Kerajaan Malaysia.

Datuk Speaker, sudah terlalu banyak benar kita dengar kelohan-kelohan dan rayuan yang disuarakan baik melalui akhbar-akhbar, seminar-seminar ataupun perjumpaan dan sebagainya mengenai kemunduran dan ketinggalan orang-orang Melayu di dalam berbagai bidang di Negeri ini terutamanya dalam bidang ekonomi dan perumahan. Kita pernah juga mendengar syor-syor dan pendapat-pendapat yang menyarankan supaya usaha-usaha hendaklah dibuat untuk membawa Bumiputra masuk tinggal di tengah-tengah bandaraya Pulau Pinang. Perkara ini ada pun dibangkitkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini di Seberang Jaya. Dalam konteks ini, Datuk Speaker, Majlis Ugama Islam Pulau Pinang adalah satu-satunya badan yang boleh memainkan peranan yang hebat dan berkesan sekali oleh kerana Majlis Ugama Islam mempunyai tanah-tanah Wakaf yang berselerak di dalam Kawasan Bandaraya yangmana

tanah-tanah tersebut boleh dan sudah patut dimajukan dengan tujuan membina projek-projek perumahan seperti rumah pangsa yang sesuai dengan kemampuan orang-orang Melayu Islam yang patut menerima keutamaan daripada faedah tanah-tanah Wakaf tersebut. Dengan dipermajukan tanah Wakaf tersebut saya yakin beberapa faktor yang menghalang orang-orang Bumiputra untuk mengambil bahagian cergas dalam bidang perniagaan di tengah-tengah bandaraya ini akan terhapus atau sekurang-kurangnya dapat dikurangkan. Agensi-agensi Kerajaan seperti MARA, UDA boleh dan patut diajak bersama-sama membangunkan tanah Wakaf tersebut. Apabila tanah-tanah Wakaf itu telah dipermajukan dengan mendirikan projek-projek perumahan dan kedai-kedai maka saya yakin usaha untuk melahirkan golongan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Bumiputra akan ujud di tengah-tengah bandaraya ini bukan seperti sekarang ini yangmana seolah-olah kita membina rumah di atas satu tapak yang lembut atau tapak yang tidak berasas sama sekali.

Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya yakin Y.A.B. Ketua Menteri selaku Ketua Pentadbir Negeri ini sentiasa ingin melihat semua rakyat Negeri ini maju ke hadapan dan akan membantu semua usaha yang memberi faedah dan menafaat kepada kemajuan Negeri ini supaya menepati dengan kehendak dan dasar Kerajaan Malaysia sendiri sepertimana yang pernah dan selalu dikatakan oleh Yang Amat Berhormat sendiri.

Datuk Speaker, bercakap mengenai pembangunan dan ekonomi orang-orang Bumiputra, saya ingin menyentuh tentang peranan badan-badan koperasi di Negeri ini. Seperti yang diketahui umum, di Pulau Pinang ini ada dua buah koperasi yang terbesar, iaitu Koperasi Tunas Muda di Sungai Ara dan Koperasi Serbaguna di Sungai Glugor. Kedua-dua koperasi ini boleh memainkan peranan yang besar dalam bidang perusahaan dan perumahan dan kita berharap masa tidak akan terbuang lagi dan sesuatu yang bersifat sungguh-sungguh dan berkesan akan

di buat bagi melibatkan kedua-dua operasi tersebut dalam bidang pembangunan yang sedang bergerak dan berkembang dengan pesatinya sekarang.

Datuk Speaker, salah satu faktor yang membolehkan pentadbiran Negeri ini berjalan dengan lancarnya dan dengan licin ialah adanya kestabilan politik dan kematangan berfikir di kalangan rakyat keseluruhannya. Dalam hal ini saya adalah merujukkan hasrat saya kepada orang-orang Melayu di Pulau Pinang, iaitu kita hendaklah sentiasa mengikuti dan memahami perkembangan politik di Negeri ini dan juga perkembangan-perkembangan kemajuan yang dihadapinya. Secara terus terang, saya katakan keadaan Negeri ini sangat mudah bagi kita untuk berkata-berkata tetapi sangat sulit dalam perlaksanaannya. Memperkatakan sesuatu dengan hanya mengukur dari segi perasaan atau pun emosi tapi tidak dengan pertimbangannya yang wajar memanglah mudah bagi sesiapa pun. Tetapi sebaliknya untuk memperjuangkan sesuatu itu hingga mencapai matlamat kejayaan itulah yang amat sukar dilakukan. Jika kita hanya melaung-laungkan penderitaan batin, mendayudayakan keluh-kisah di angin lalu tetapi hakikat sebenarnya tidak satu perpaduan yang kukuh di antara para pemimpin dan tidak ada muafakat sesama tokoh, siapakah yang akan hormat kepada kita dan siapakah yang akan percayakan kita? Jiwa kita perlu diperbaiki, dan sikap politik kita perlu diperbaharui; jika ini dapat kita lakukan, jika perubahan ini boleh kita rapsakan, saya yakin nasib Bumiputra Pulau Pinang akan terjamin. Orang-orang Melayu Pulau Pinang jangan khuatir mereka hanya ditelan arus kemajuan dan sebagainya.

Datuk Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri telah memberitahu Dewan ini bahawa untuk tahun depan, Kerajaan Negeri telah menguntukkan sebanyak suku juta ringgit bagi projek-projek pembangunan masyarakat untuk memenuhi keperluan pembangunan yang khas di kawasan-kawasan di luar bandar. Ini adalah satu langkah yang saya sendiri sokong kuat dan peruntukan ini adalah untuk projek-projek yang

ditunjukkan oleh J.K.K.K., dan Y.A.B. Ketua Menteri telah berjanji bahawa jumlah ini akan ditambah lagi jika dikehendaki lagi oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau pun J.K.K.K.

Datuk Speaker, ini adalah satu bukti bahawa Kerajaan Negeri adalah mengambil perhatian berat bagi memajukan kawasan-kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, saya berseru, Datuk Speaker, kepada J.K.K.K. seluruhnya supaya menggunakan kesempatan tersebut dengan merancang berbagai-bagai projek yang sesuai dan berfaedah di tempat masing-masing. J.K.K.K. sebenarnya boleh memainkan peranan yang penting sebagai agen rakyat di kampung. J.K.K.K. juga janganlah hanya merancang dan mengemukakan projek-projek kepada pihak-pihak yang berkaitan tetapi hendaklah juga sentiasa awas dan memerhatikan supaya projek-projek itu apabila lulus hendaklah dilaksanakan menurut semestinya dan J.K.K.K. hendaklah sentiasa mengambil tahu jika projek yang lewat diluluskan dan sebagainya.

Datuk Speaker, di sini saya juga menyampaikan ucapan tahniah dan syabas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri yang dapat memberikan perkhidmatan mereka pada tahun ini dengan cemerlang dan dedikasi. Datuk Speaker, izinkanlah saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Parit dan Taliair dan juga kepada Jabatan Kerja Raya yang hampir mencapai *rate of performance* lebihkurang 75 peratus. Ini adalah satu angka yang sangat baik jika kita bandingkan dengan kemajuan yang telah dicapai pada tahun-tahun yang lalu. Kejayaan ini telah dicapai walaupun Jabatan tersebut, iaitu J.K.R. berkurangan lebih-kurang 13 orang pembantu teknik dan lain-lain kakitangan untuk melaksanakan projek-projek yang telah ditetapkan.

Datuk Speaker, dalam tahun 1976, jumlah yang lebih-kurang \$29 juta telah dibelanjakan oleh J.K.R. atas projek-projek pembangunan di Negeri Pulau Pinang. Ini termasuk lebih-kurang \$5.5 juta dibelanjakan atas pro-

jek-projek pembangunan Negeri Pulau Pinang. Dan bagi tahun 1977 peruntukan Negeri sebanyak \$6 juta untuk tujuan pembangunan telah dihadkan kepada J.K.R. dan peruntukan ini mungkin tidak mencukupi dan permohonan tambahan mungkin diminta. Di sini, Datuk Speaker, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan ini yang telah memberikan teguran-teguran masing-masing. Kerajaan Negeri akan mengambil ingatan terhadap teguran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat tadi dan Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan untuk melaksanakan beberapa projek seperti yang dinyatakan di dalam Risalah 14 tahun 1976.

Saya berharap Yang Berhormat semua sedar bahawa projek pembangunan Kerajaan akan dilaksanakan berperingkat-peringkat dan mengikut keutamaan-keutamaan. Ada projek-projek yang dilaksanakan dalam tahun 1977 dan ada yang dilaksanakan dalam tahun 1978 atau dalam tahun 1979. Walaubagaimanapun, untuk menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan tadi oleh Y.B. Ahli Kawasan Bukit Mertajam yang telah menarik perhatian kepada masalah banjir di Kampong Cross Street di Bukit Mertajam, Kerajaan sedar berhubung dengan masalah ini dan setakat ini Jabatan Parit dan Taliair sedang berusaha mendalamkan dan mencuci Sungai Rambai iaitu sungai aliran keluar, iaitu "outlet", dari Sungai Permatang Rawa dan Sungai Ara yang dijangka siap pada pertengahan tahun 1977. Sungai Ara telah dicuci termasuk membuang lodak dan disiapkan pula dalam bulan November tahun 1976. Dua halangan yang dikaji ialah *culvert* dan juga jambatan keretapi. Apabila siap kerja mendalamkan Sungai Rambai, masalah banjir di Kampong Cross Street dapat diringankan. Berkenaan dengan Jambatan Open Span Bridge, perkara ini pun telah dimasukkan di dalam anggaran perbelanjaan tahun 1977.

Perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Machang Bubuk berkenaan dengan masalah

yang sama seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam berhubung dengan pencegahan banjir, peruntukan sebanyak \$400,000 adalah dikhaskan untuk mengatasi masalah banjir di Taman Brown di Kampong Glugor dan sebahagian besar perbelanjaan adalah disumbangkan oleh pihak swasta. Kerajaan Negeri sedar akan masalah banjir di sungai Perai dan adalah memberi perhatian yang berat dan tindakan muktamad hanya dapat diambil setelah kajian pakar perunding Jepun siap pada tahun 1977 dan cadangan ini mungkin dibuat oleh Kerajaan seterusnya.

Datuk Speaker, banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh di atas perkara banjir dan saliran dan pengaliran di kawasan-kawasan bendang. Oleh yang demikian, saya bercadang memberi ringkasan: Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak \$9,632,000 untuk enam projek-projek pengaliran, 12 projek-projek saliran dan 7 projek-projek pelbagai untuk menambahkan kemudahan pengaliran dan saliran dan ini termasuk lebih-kurang \$7 juta dan imbuhan balik daripada Persekutuan dan \$114,000 peruntukan secara langsung. Ini adalah untuk membaiki saliran dan sistem pengaliran seluas 13,180 kaki persegi di Sungai Kulim dan juga di Sungai Jarak, Tasek Glugor dan Jarak Tengah dan juga di Machang Bubuk. Di samping itu Kerajaan Negeri akan membelanjakan \$1,200,000 untuk mencegah banjir di kawasan Taman Brown dan juga di lain-lain kawasan.

Perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kawasan Bukit Tambun iaini mengenai dengan kenderaan basikal Nibong Tebal. Adalah dimaklumkan bahawa jalan dari Nibong Tebal ke Sungai Bakap jauhnya lebih-kurang 4 batu adalah sebatang jalan Persekutuan. Kerajaan Pusat tidak akan menguntukkan wang bagi lorong basikal di luar bandar oleh kerana ini akan mengujudkan satu *precedent* bagi permintaan-permintaan yang serupa di

sekitar Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, dukacita dimaklumkan bahawa tidak ada apa-apa cadangan yang berkaitan dengan rayuan tersebut.

Datuk Speaker, saya sokong penuh apa yang telah dilafazkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa sebahagian besar daripada kerjakerja yang telah dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya dan yang akan dijalankan pada tahun depan sebenarnya merupakan kerjakerja pembangunan yang boleh dilaksanakan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan L.P.K.T., khususnya di Pulau Pinang, patutlah memberikan perhatian yang lebih banyak terutamanya bagi mengadakan projek-projek pembangunan dalam kawasan luar bandar. Apa yang kita lihat selama beberapa tahun sejak diadakan Lembaga tersebut, pihak-pihak yang memegang teraju pentadbiran Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan hanya menumpu perhatian mereka ke arah perkara-perkara yang tidak dapat mengajak rakyat bersama-sama berusaha membangunkan Negeri ini menurut bidang kuasa yang ada pada L.P.K.T.

Contohnya, seperti dalam bidang kegiatan pertubuhan ekonomi Bumiputra di kawasan luar bandar, daya usaha ini patut sangat diusahakan oleh L.P.K.T.; tetapi sejauh ini apakah yang telah dibuat oleh L.P.K.T.? Ada kalanya kita lihat di antara Kerajaan Negeri dan L.P.K.T. tidak ada peresuaian dan ini menjadikan rakyat turut bingung melihatnya. Dan saya berharap dengan pelaksanaan Akta Kerajaan Tempatan tahun 1976 tidak lama lagi, corak pentadbiran L.P.K.T. Pulau Pinang akan diperbaiki dan akan memberikan faedah yang lebih banyak kepada rakyat yang membayarkan cukai.

Pada akhirnya, Datuk Speaker, Kerajaan Negeri akan dapat kekalkan perkembangan pembangunan di Negeri Pulau Pinang ini oleh sebab kedudukan kewangan Negeri sangatlah kukuh dan saya berharap bukan sahaja Ahli-ahli di Dewan ini sahaja akan menyokong projek-projek yang

telah ditetapkan tetapi rakyat jelata di Negeri Pulau Pinang juga diharap akan menyokong Kerajaan yang sentiasa menjalankan projek-projek sejajar dengan Rancangan Malaysia Ketiga, dan yang akan memberikan faedah dan menafaat yang besar kepada penduduk-penduduk di Negeri ini.

Dengan itu, Datuk Speaker, saya menyokong Usul yang dihadapkan kepada Dewan ini.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Di sini saya mahu mengambil kesempatan mengucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat semua kerana mengambil bahagian di atas perbahasan Usul ini dan juga mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana memberi pandangan-pandangan yang baik. Ada dua perkara saya mahu ambil peluang di sini untuk menjawab kepada Yang Berhormat dari Bagan Ajam berkenaan pengambilan tanah. Saya suka memberitahu kepada Yang Berhormat dari Bagan Dalam iaitu Negeri Pulau Pinang adalah sebuah Negeri yang kecil dan luasnya lebih-kurang 400 batu persegi; tapi dalam 400 batu persegi itu Kerajaan Negeri hanya mempunyai tanah sebanyak 27,000 ekar. Setengah tanah itu adalah tanah bukit dan tidak boleh maju. Sebab itu, untuk pembangunan Negeri Pulau Pinang Kerajaan Negeri terpaksa mengambil tanah—dan bukanlah kerana Kerajaan Negeri suka berbuat demikian. Bila Kerajaan Negeri mengambil tanah, kita ada bagi bayaran; dan kalau tanah itu ada setinggi, Kerajaan Negeri juga ada memberi ganti rugi kepada setinggian setinggian *area* itu. Kita semua tahu perkara berkenaan pengambilan tanah itu ialah untuk pembinaan dan saya juga berharap Yang Berhormat semua boleh memberitahu kepada rakyat bahawa bila mereka mahu membina rumah di atas tanah Kerajaan saya harap mereka boleh membuat permohonan. Kerajaan Negeri juga faham kesusahan rakyat dan sebab itulah tiap-tiap kali Kerajaan Negeri ada memberi sedikit

area dan pemberian. Pagi kelmarin Y.A.B. Ketua Menteri telah memberitahu Kerajaan Negeri ada rancangan untuk membina beribu-ribu rumah *low-cost*. Saya harap rakyat kita yang berpendapatan rendah bolehlah pada masa itu membuat permohonan.

Lagi satu perkara ialah berkenaan pemberian lembu dan ayam. Di sini saya juga mahu memberitahu, Kerajaan Negeri pada tiap-tiap tahun ada menambahkan perbelanjaan untuk menolong rakyat kita. Pada tahun 1971, untuk memajukan ternakan lembu, perbelanjaan ialah \$9,920; dan untuk memajukan ternakan ayam perbelanjaan masa itu \$9,200. Pada tahun 1972, perbelanjaan tidak dilakukan kerana masa itu ada penyakit kuku dan mulut (foot and mouth disease), tetapi untuk ternakan ayam Kerajaan Negeri berbelanja sejumlah \$17,932. Minta maaf, saya sudah silap. Pada tahun 1972, untuk ternakan lembu perbelanjaan \$9,840, ayam \$37,030. Dan pada tahun 1973 ada sejenis penyakit "foot and mouth", jadi untuk ternakan lembu tidak ada rancangan apa apa, tetapi untuk ayam, perbelanjaan tahun itu ialah \$17,932. Bagi tahun 1974, untuk ternakan lembu perbelanjaan berjumlah \$22,285 dan untuk ternakan ayam anggaran bertambah sampai \$45,207. Bagi tahun 1975, untuk ternakan lembu anggaran perbelanjaan \$21,000 tetapi untuk lembu serupa juga, iaitu \$22,000. Pada tahun 1974, walaupun perbelanjaan \$22,285, lembu berjumlah 60 ekor. Pada tahun 1975, perbelanjaannya lebih, tetapi oleh sebab tahun yang lalu harga lembu ada turun sedikit, perbelanjaan ada kurang tetapi ada 80 ekor lembu. Untuk ternakan ayam, perbelanjaan dalam tahun yang lalu naik sampai \$155,957. Di sini kita boleh tahu tiap-tiap tahun Kerajaan ada membuat tambahan untuk menolong rakyat kita dan sebanyak 3,000 ekor ayam akan dibahagikan sebelum penghujung tahun. Saya harap rakyat kita boleh bekerjasama dengan Kerajaan untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Sekian, terima kasih.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, seterusnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menunjukkan bahawa mereka sokong penuh Usul saya dan di sinilah saya ingat kita berasa bangga sebab Usul yang saya cadangkan untuk belanjawan pembangunan tahun depan adalah besar sekali—hampir \$40 juta—dan ini telah mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Ahli Dewan ini sebab pandangan-pandangan yang kita dapat di dalam ucapan perbahasan Usul saya. Jikalau boleh, saya senang kata di dalam ucapan-ucapan dan pandangan-pandangan yang kita dapat ada dua bahagian. Satu, yangmana Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan ini bawalah beberapa perkara yang baru yang kita mesti berbincang dan pertimbang yangmana boleh kita luluskan untuk faedah rakyat yang duduk di dalam kawasan Yang Berhormat Ahli-ahli itu. Masalah itu saya sendiri fikir Kerajaan Negeri tidak berapa lama lagi bolehlah selesaikan perkara-perkara itu kalau kita boleh dapat cari wang daripada Pecahan 101, di bawah sub-Head perbelanjaan "Projek-projek Khas dan Latihan-latihan Khas"; dan apa-apa projek yang berikutnya nampak saya telah dijanjikan. Kita boleh cari wang daripada baki-baki hasil am jikalau diperlukan untuk projek-projek yang akan membawa menafaat serta-merta kepada rakyat atau untuk membiayai pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga. Di sinilah kita ada dua dasar yang boleh diambil pertimbangan di mana projek-projek yang dicadangkan boleh dijalankan.

Lagi satu bahagian masalah yang dibawa yang saya sendiri ingat boleh diselesaikan ialah jika bekerjasama dan buatlah perkhidmatan yang lebih penting bagi rakyat. Saya rasa terkejut sedikit bila saya mendengar satu laporan daripada Yang Berhormat Ahli dari Penanti atau Bagan Ajam—ya, dari Bagan Ajam. Saya minta maaf. Beliau membawa satu perkara yangmana seorang kakitangan atau pegawai pihak Kesihatan tidaklah memberi

penghormatan yang sungguh mesti digunakan oleh Ahli Dewan Undangan ini. Saya ingat untuk kedua pihak, satu pihak seterusnya Setiausaha Kerajaan bolehlah berhubung dengan bahagian itu dan saya haraplah masalah ini boleh diselesaikan dan satu pihak lagi saya harap tidak berapa lama lagi bukan sahaja kakitangan atau pegawai-pegawai Kerajaan bahkan semua rakyat di dalam kawasan-kawasan Yang Berhormat Ahli-ahli sendiri atau di lain-lain kawasan pun bolehlah terima bagaimana Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan ini mestilah mendapat kehormatan yang sesuai sekali. Bukan sahaja mereka mewakili rakyat tetapi saya harap mereka telah mewakili rakyat dengan perjanjian sepenuhnya.

Lagi ada masalah-masalah semacam perkara yang saudara serahkan pada saya di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan telah dijawab dan saya haraplah Ahli Yang Berhormat bolehlah pertimbangkan jawapan bagi mereka itu dan bagaimana masalah-masalah yang timbul telah dikaji dengan teliti dan mendalam oleh rakan-rakan saya yang bertanggungjawab tentang masalah-masalah yang berbangkit.

Tetapi adalah masalah yang saya fikir kita boleh berbincang di hari depan semacam masalah ada gunakah atau tidak gunakah kita ternak lebih ayam sampai semua orang ada ayam-ayam. Itu saya ingat sungguh-sungguh adalah satu contoh yang besar sekali sebab kita mesti pertimbangkan. Jika kita ternak seekor ayam sampai semua rakyat di Negeri Pulau Pinang tiap-tiap seorang ada seekor ayam, dan sebablah jumlah penduduk di dalam Negeri Pulau Pinang ada 800,000 orang kita mesti ada 800,000 ekor ayam. Tetapi kalau kita hari-hari hendak makan seekor ayam seorang, kita mesti ada 800,000 ekor sehari. Itulah yang menjadi susah sekali sebab kalau kita hendak ternak sampai 800,000 ekor ayam sehari jumlah ayam di dalam Negeri Pulau Pinang ini mesti sampai lebihkurang 80 juta ekor ayam hari-hari. Itulah yang kita kirakan harga makan. Saya sahaja bawa perkara ini sebagai contoh. Saya haraplah Yang Berhormat

Ahli janganlah ingat saya bawa contoh perkara ini untuk ditertawakan tetapi sungguh ini adalah dilakukan dengan rakyat sebab daging ayam ialah daging yang semua pihak rakyat kita boleh makan. Tetapi kalau kita hendak jalankan dengan dasar ini kita mesti pertimbang berat, belum lagi kita jalankan dengan dasar semacam itu.

Ada beberapa perkara yang kecil-kecil yang saya harap saya boleh jawab dahulu. Dapada Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk, berbangkit perkara berkenaan dengan kedudukan kewangan kedua-dua L.P.K.T.. Inipun telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri ke Majlis Kerajaan Tempatan Negara di dalam mesyuarat yang baru lalu sahaja. Selain daripada permohonan geran pelancaran atau "*launching grant*", Kerajaan Negeri sudah juga mengemukakan pandangan bahawa satu L.P.K.T. mesti dapat subsidi atau geran dari Kerajaan Persekutuan. Masalah inilah jawapan saya sebablah saya hendak tunjuk ada beberapa perkara yang selalu Kerajaan Negeri mesti berbincang dengan Kerajaan Persekutuan dan saya tidak ingat mahu bawa lain-lain perkara di sini sebab masalah ini dan perkara-perkara ini bukanlah Kerajaan Negeri tidak mahu laporkan kepada rakyat tetapi dailog yang kita ada peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mesti jalankan dengan sedikit rahsia dan kesulitan dan sampailah kita ambil keputusan yang sesuai pada semua pihak.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Sungai Acheh, untuk Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mustahak perkembangan perkhidmatan pertanian untuk meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar. Selain dari peruntukan Kerajaan Negeri di dalam Anggaran Pembangunan tahun hadapan, Kerajaan Persekutuan juga menguntukkan wang kepada Jabatan Pertanian dan untuk MARDI dan Persatuan Peladang bagi memberi kemudahan tambahan untuk rakyat kita di luar bandar. Berkenaan masalah penanaman di tanah-tanah dekat Sungai Chenaam dan Sungai Burong, saya ingat Yang Berhormat Ahli sen-

diri pun faham, kita pun siasat dan kaji tempat itu, tetapi sebab penambahan tanah baru dua setengah tahun, tanah itu ada sedikit pasir yang tidak sesuai dengan penanaman apa-apa barang dan barangkali di hari depan jikalau kita boleh cari suatu rancangan yangmana kita boleh bawa bukan sahaja pertanian tetapi lain-lain rancangan ke atas tapak itu untuk diperbaiki.

Masalah nelayan yang dibangkitkan oleh Ahli dari Penaga, ini sungguhpun mengikut Perlembagaan satu masalah yang dikaji oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi Kerajaan Negeri tidak lupa hal-hal berkenaan nelayan-nelayan di dalam Negeri kita dan saya haraplah ini menjadi satu perkara yang selalu kita mesti pertimbang berat.

Tuan Yang di-Pertua, nampak saya Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang faham bagaimana kita mesti jalankan dengan tugas kalau kita mengikut wang-wang yang baru kita luluskan untuk faedah dan menafaat rakyat kita, tetapi apa yang saya kata, di dalam ucapan saya ialah sungguhpun nampak \$39,800,000 ialah satu jumlah yang kita boleh kata—sungguh-sungguh dalam pengalaman saya—satu jumlah yang besar sekali. Kalau kita sungguh-sungguh menjalankan projek-projek yang telah ditentukan, selepas hari ini kita selalu jaga bagaimana rancangan-rancangan dan projek-projek yang kita telah luluskan digalakkan mengikut jadual. Inilah saya ingat tanggungjawab Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan ini, Kerajaan, kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan. Kalau kita sungguh-sungguh boleh dapat sampai seratus peratus *performance*, saya ingatlah Kerajaan Persekutuan bolehlah lagi tambah wang-wang untuk pembangunan daripada Rancangan Malaysia Ketiga selepas *mid-term review* yang akan datang.

Ada beberapa perkara yang bangkit dan saya harap Yang Berhormat Ahli-ahli boleh terima Kerajaan Negeri pun selalu mengkaji perkara-perkara itu dengan teliti dan saya haraplah saya bukan hendak kritik atau apa-apa tetapi jawapan saya sebagai contoh saja.

Semacam satu perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bukit Tambun mengenai perkara jalan basikal itu saya rasa rakan saya telah menjawab; beliau pun ada membawa perkara KOMTAR yang rakan saya telah jawab juga. Tetapi di sini saya bawa satu contoh bagaimana kita bolehlah pertimbang bagaimana Kerajaan telah memegang teraju perkhidmatan sebab dalam dua hari ini Dewan ini telah membahar dua pihak masalah kewangan di dalam Negeri.

Pertama sekali, di dalam Rang Undang-Undang Bekalan tahun depan kita telah luluskan \$36 juta lebihkurang dan hari ini kita pun telah bersetuju hendak luluskan \$39 juta untuk pembangunan dan bagaimana Kerajaan Negeri hendak bersedia menjalankan projek KOMTAR yang tidak masuk ke dalam kedua-dua anggaran. Inilah yang menunjukkan bagaimana pihak kewangan Kerajaan Negeri kita ini, dalam beberapa tahun semasa Rancangan Malaysia Kedua hinggalah sekarang menjaga dengan kewangan kita dan hari ini kita adalah satu badan agensi Kerajaan Negeri yangmana kita boleh laksanakan dalam jangka yang pendek sekali projek-projek tambahan yang kita boleh jalankan daripada pendapatan dan hasil-hasil Negeri yang tertentu. Jadi projek-projek ini boleh dijalankan sebablah faktor baru yang boleh ditanggung oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

Di lain-lain Negeri pun ada S.E.D.C. yang ada kuasa yang tidak ikut dengan undang-undang kewangan dan kita mesti kaji kalau kita hendak luluskan Rang Undang-Undang Perbekalan dengan wang anggaran belanjawan pembangunan dan faktor itu bolehlah rakyat bertanggungjawab pembangunan semacam itu. Kalau kita ingat baik-baik, Kerajaan Negeri telah mengambil tanah di atas tapak KOMTAR yang berharga \$25 juta—lebihkurang sebanyak apa yang kita baru luluskan untuk bekalan tahun 1977. Wang ini kita bagi pada rakyat di atas tapak tanah itu. Ada 300 keluarga di tempat itu yang kita bayar, tetapi orang-orang itu tidak puashati; mereka mahu banyak lagi.

Kalau kita pertimbang bagaimana Kerajaan Negeri menjalankan dengan projek-projek di luar bandar, kita faham Kerajaan Negeri selalu mesti kaji dengan baik sekali yangmana adil dan bagaimana kita mesti bawa rancangan di dalam bandar dan bagaimana kita mesti bawa rancangan di luar bandar. Tetapi dalam luar bandar pun ada orang yang berpendapat tidak puas hati. Di sinilah bagaimana pun, sungguhpun lepas membuat anggaran-anggaran untuk pembangunan, saya harap Yang Berhormat Ahli-ahli mesti faham kita mesti bertanggungjawab dan jalankan kerja kita dengan tegas; kalau tidak, sungguhpun kita bawa faedah kepada rakyat di dalam rancangan perumahan murah, berbangkitlah masalah orang-orang yang tidak membayar sewa. Kalau kita bawa faedah kepada pihak pertanian, berbangkitlah masalah orang tidak membayar hasil tanah sewa. Masalah inilah yang kita mesti kaji selalu.

Saya mengambil peluang di sini pada hari ini membawa perkara ini dalam bahasan sebablah nampak saya tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat ialah berat sekali dan bukan sahaja apa-apa perkara yang tertentu mesti kita salurkan kepada Kerajaan—ini rakyat mahu, itu rakyat mahu—dan mintalah Kerajaan bayar. Kita mesti pertimbang bagaimana bolehkah kita berjanji kepada rakyat yang boleh membawa faedah kepada mereka dan kita mesti balik berhubung dengan rakyat dan bertukar fikiran dengan rakyat dan membawa mereka naik sampai satu peringkat yangmana sungguh-sungguh boleh dapatlah kita suatu masyarakat yang adil. Yang asas sekali, kalau kita sungguh-sungguh hendak membawa faedah kepada rakyat, rakyat dan Kerajaan mestilah bekerja bersama-sama dan Yang Berhormat Ahli wakil rakyat di dalam Dewan inipun ada satu kerja yang kuat yangmana Yang Berhormat Ahli-ahli menjadilah satu perhubungan yang kuat dan rapat sekali di antara Kerajaan dengan rakyat. Saya kata, nampak saya dalam Negeri Pulau Pinang ini, Kerajaan, Dewan dan rakyat ada tenaga yang cukup untuk mencapai satu matlamat untuk

mendapat satu masyarakat yang ber-satu padu dan adil.

Sekian, terima kasih.

Soalan dikemukakan dan diperse-tujui.

6. PENANGGUHAN

Tuan Speaker: Yang Amat Berhormat, saya menjemput mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee): Datuk Speaker, dengan izin, saya ingin mengemukakan dalam Dewan ini satu perkara mengenai L.P.K.T., Seberang Perai. Saya berbuat demikian kerana saya hendak menyeru kepada Pihak Berkuasa Negeri supaya L.P.K.T. diberikan pertolongan untuk mengatasi masalah-masalahnya.

Satu masalah adalah mengenai membuang sampah-sarap di Bukit Mertajam. Setakat ini, segala sampah-sarap yang L.P.K.T. Seberang Perai pungut itu telah dikumpulkan di Kampong Bukit Kecil, Bukit Mertajam. Apabila sampah-sarap itu dibakar, kawasan sekelilingnya telah dikotorkan dengan asapnya. Terdapat juga banyak lalat-lalat di samping bau-bau busuk yang terlalu hebat.

Segala-galanya ini telah mengancam kesihatan penduduk-penduduk di kawasan Bukit Kecil dan Sungai Rambai. Masalah ini telah bertambah hebat oleh kerana lebih banyak lagi projek-projek perumahan sedang dilancarkan di kawasan ini.

Oleh itu, saya rasa masanya telah sampai bagi Pihak Berkuasa mengkaji masalah ini dengan tujuan mencari suatu tempat lain yang lebih sesuai untuk membuang sampah-sarap di Bukit Mertajam. Tempat baru ini mestilah terletak sejauh mungkin dari kawasan kediaman.

Datuk Speaker, Kerajaan Negeri mempunyai banyak tanah yang berlumpur dan yang belum digunakan di Seberang Perai. Pihak P.D.C. pula juga mempunyai tanah-tanah rendah yang luas yang belum dibuka menjadi kawasan perusahaan. Setengah tanah ini adalah jauh dari kawasan kediaman dan bolehlah digunakan untuk membuang sampah-sarap oleh L.P.K.T.

Oleh yang demikian saya bercadang supaya Kerajaan Negeri dan P.D.C. dapat menolong L.P.K.T. Seberang Perai dengan membenarkan L.P.K.T. Seberang Perai menggunakan setengah tanah rendah yang jauh dari kawasan kediaman dan yang belum digunakan itu sebagai tempat membuang sampah-sarap. Dengan demikian kesulitan dan keadaan tidak sihat yang disebabkan oleh pembuangan dan pembakaran sampah-sarap itu dapat dikurangkan.

Di samping menjadi tempat membuang sampah-sarap, tanah-tanah yang rendah dan berlumpur itu dapat ditimbuskan dengan percuma. Pada akhirnya tempat itu boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain. Ini adalah satu cara berjimat-cermat yang penting dan patutlah kita ambil perhatian.

Datuk Speaker, tempat untuk membuang sampah-sarap di Bagan Lallang, Butterworth itu bolehlah menjadi satu contoh yang baik. Empunya tanah berkenaan sebenarnya sangat suka hati kerana L.P.K.T. sedang menimbuskan tanahnya dengan percuma.

Saya berharap Pihak Berkuasa Negeri dan P.D.C. akan mempertimbangkan cadangan saya dengan bersimpati supaya L.P.K.T. Seberang Perai dapat memindahkan tempat membuang sampah-sarap dari Bukit Kecil ke satu tempat lain yang lebih sesuai.

Dengan ini diucapkan terima kasih, Datuk Speaker.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Adalah disedarkan bahawa tempat pembuangan sampah-sarap yang ada sekarang di Bukit Kecil telah tidak sesuai lagi akibat pembangunan perumahan yang terlalu hampir dengan tempat pembuangan ini. Semasa tahun 1966 apabila diputuskan

bahawa Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan boleh menggunakan tanah Negeri di Mukim 10, Seberang Perai Tengah bagi tujuan pembuangan sampah, tidak ada apa-apa pembangunan perumahan di kawasan itu. Kawasan tersebut rendah dan selalu dilanda banjir semasa air pasang sebelum empangan dibina di Bukit Minyak. Ketika itu adalah disifatkan bahawa kawasan itu merupakan tempat yang sesuai sekali bagi tujuan tersebut.

Sejak itu, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai telah cuba sedaya upaya untuk mencari suatu tapak gantian untuk membuang sampah-sarap; malangnya usaha-usaha mereka tidak berjaya. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar, kos tanah telah bertambah naik dan adalah mahal untuk membeli tanah persendirian bagi digunakan sebagai tempat-tempat pembuangan sampah yangmana Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan tidak mampu. Sementara itu, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, bersama-sama dengan Kerajaan Negeri sedang menimbang untuk mengambil tanah Negeri yang rendah dan berpayu dan yang tidak akan dikehendaki untuk apa-apa pembangunan di masa hadapan bagi tujuan menjadikan tempat itu sebagai tempat pembuangan sampah.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk membina sebuah pasar *subsidiary* di Bukit Mertajam, saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai sungguh sedar akan keperluan membina sebuah pasar *subsidiary* di Bukit Mertajam kerana pasar yang ada sekarang di Pekan Bukit Mertajam kian menjadi sesak. Akibatnya, masalah lalu lintas telah berbangkit. Walaupun Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, menghargai akan keperluan sebuah pasar lagi tetapi Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan sedang menghadapi kesusahan dalam memperolehi satu tapak yang sesuai bagi tujuan ini. Bagaimanapun, sebagai satu langkah sementara, Lembaga sedang menimbang untuk mengguna tanah kosong di Taman Sentosa,

Bukit Mertajam, kepunyaan Lembaga sebagai sebuah pasar terbuka (*open market area*). Kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan saliran yang baik akan disediakan bagi kawasan ini sehingga satu masa di mana Lembaga berkemampuan untuk mengambil milik tanah dan membina sebuah pasar lagi untuk kemudahan penduduk-penduduk di Pekan Bukit Mertajam.

Di sini saya ingin memberi keyakinan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa-masa yang akan datang, apabila Lembaga menimbang perancangan sekim-sekim perumahan besar, pihaknya akan mendesak pemaju-pemaju yang berkenaan untuk mengkhususkan suatu kawasan yang sesuai dan yang cukup luas bagi sebuah pasar di dalam sekim itu untuk memenuhi keperluan-keperluan penduduk-penduduk.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Tuan Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker yang mengizinkan saya berucap di dalam Dewan ini.

Dengan itu saya membawa satu perkara iaitu "Kecemaran Alam". Kecemaran alam yang telah menjadi topik rancangan di mana-mana sahaja sama ada di peringkat terbawah mahupun di peringkat nasional pada dewasa ini. Saya percaya Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri memandang berat dan serius dalam masalah ini. Apa yang ingin saya memperkatakan dalam Dewan yang mulia ini ialah atas masalah kecemaran laut yang sedang menimpa penduduk-penduduk Pulau Aman yang diketahui umum sebagai nelayan-nelayan yang agak terpercail. Saya telah diberitahu tentang kerja-kerja pembuangan selut oleh kapal korek sedang dijalankan di dasar laut Pulau Aman di mana telah menyebabkan iaitu:

1. Kekeringan ikan di sekeliling laut Pulau Aman;
2. Kemungkinan telaga-telaga yang dibuat oleh Jabatan Perikanan Pulau Pinang itu tertimbus dengan selut-selut yang telah dibuang oleh kapal korek itu; dan

3. Selut-selut itu tertampal di tepi-tepi batu menyebabkan berbau busuk sehingga siput-siput dan kerang-kerang bergelimpangan dan mati.

Atas kesan-kesan tersebut saya berharap Jabatan yang berkenaan dapat bertindak segera supaya tidak lambat kerana kita tidak mahu peristiwa Juru itu mengulangi lagi di Pulau Aman di mana sedikit sebanyak telah membangkang Kerajaan Negeri.

Sekian, terimakasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Ahli dari Kawasan Bukit Tambun di atas ucapan penangguhan mengenai kecemaran alam yakni pembuangan selut di dasar laut Pulau Aman.

Datuk Speaker, saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa penduduk-penduduk Pulau Aman, iaitu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, membuat aduan bahawa banyak rumah-rumah ikan, siput-siput dan lain-lain binatang laut di sekitar laut di Pulau Aman yang mati disebabkan selut yang dibuang oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ataupun P.P.C. Suruhanjaya ini sedang menggali untuk mendalamkan laut dalam usaha memajukan Pelabuhan Pulau Pinang di Dermaga Butterworth. Usaha ini, Datuk Speaker, telah mendapat kebenaran Harbour Master.

Jawatankuasa Pencemaran Alam yang terdiri daripada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Pusat Perubatan dan Kesihatan, Jabatan Laut, Jabatan Perikanan, Universiti Sains Malaysia, Marine Police dan Pejabat Tanah, Butterworth, ada mencadangkan supaya selut-selut itu dapat dibuang oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang jauh terkeluar dari pelabuhan. Tetapi, Datuk Speaker, ini tidak dapat dilakukan oleh Suruhanjaya Pulau Pinang kerana ia memakan belanja yang begitu mahal.

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah menyatakan bahawa adalah sukar bagi mereka untuk membuang selut itu jauh terkeluar ke laut daripada pelabuhan, malahan di Pelabuhan Ke-

lang selut-selut dibuang cuma jarak 3 batu sahaja daripada pelabuhan. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang juga menyatakan bahawa selut-selut itu bukanlah menjadi sebab atas kematian siput-siput dan binatang-binatang laut lain, juga kerosakan rumah-rumah ikan kerana selut-selut itu dibuangkan adalah 3 batu ke utara dari Pulau Aman. Datuk Speaker, sedangkan rumah-rumah ikan yang didirikan oleh Pusat Perikanan adalah di sekitar kawasan Pulau Aman sahaja. Kerosakan rumah-

rumah ikan dan kematian binatang-binatang laut di Pulau Aman adalah mungkin disebabkan oleh pembuangan kotoran-kotoran dari kilang-kilang berhampiran dan menyebabkan kecemaran.

Dan akhir sekali, Datuk Speaker, Jawatankuasa Pencemaran Alam sedang membuat kajian mengenai hai itu.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.00 petang.